


Jilid I
Bil. 20



Hari Selasa
3hb Disember, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1769]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Jadual—

Kepala B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 1785]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975.

Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Kepala P. 8 dan P. 10 [Ruangan 1785]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 3hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

- Yang Berhormat TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).

Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).

- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

UNDANG-UNDANG GAJI MINIMA

1. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan mengadakan Undang-undang Gaji Minima untuk pekerja-pekerja khasnya pekerja-pekerja di industri-industri yang baru untuk menamatkan penindasan buruh, jika tidak, kenapa.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, duka-cita saya memaklumkan bahawa Ahli Yang Berhormat tersebut tiada menyatakan apakah perindustrian-perindustrian baru yang dimaksudkannya itu. Sungguhpun Kementerian saya sedar bahawa ada pekerja-pekerja di beberapa buah kilang dibayar dengan gaji yang rendah, soal mengenai penindasan buruh tidaklah diketahui. Saya ingin menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa pegawai-pegawai Kementerian saya akan meneruskan usaha-usaha mereka untuk mendesak majikan-majikan yang berkenaan supaya memperbaiki lagi gaji pekerja-pekerja mereka. Kita telah juga menasihatkan majikan-majikan untuk merangka tangga-tangga-gaji di mana pekerja-pekerja diberi kenaikan gaji tahunan mengikut kemahiran-kemahiran yang diperolehnya dan selaras dengan tempoh perkhidmatannya. Sukacita saya menyatakan iaitu usaha-usaha kita telah mencapai kejayaan di dalam beberapa perkara.

Buat masa sekarang, kita fikir adalah tidak perlu untuk menyatakan gaji minima bagi perindustrian-perindustrian yang baru, kerana adalah penting bagi kita menggalakkan pertumbuhan perusahaan-perusahaan baru untuk mengadakan seberapa banyak pekerjaan sebagai matlamat kita yang utama.

KILANG BAJA DI SARAWAK

2. **Tuan Patrick Anek Uren** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau dapati perlu ditubuhkan

sebuah kilang baja bagi Sarawak memandangkan kekurangan baja untuk menepati aktiviti-aktiviti pertanian yang kian berkembang di Sarawak.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak, pada masa ini terdapat dua kilang baja "mixing" dan satu kilang baja "granulating" yang dapat menghasilkan pengeluaran sebanyak 30,000 tan baja "mixtures" dan baja "compound". Kilang-kilang ini sedang di dalam proses menambahkan daya pengeluarannya kepada 37,000 tan setahun. Keperluan tempatan bagi kesemua jenis baja di Sarawak adalah dianggarkan sebanyak 30,000 tan setahun. Jadi terdapat pembekalan yang cukup untuk menampung kehendak pasaran bagi baja "mixtures" dan baja "compound". Walau bagaimanapun, Kerajaan akan bersedia menimbangkan permohonan-permohonan untuk penubuhan kilang-kilang baru.

Sebagaimana yang termaklum bahawa kilang-kilang "mixing" dan "granulating" baja yang sedia ada bergantung kepada bahan-bahan mentah asas seperti phosphorus, potassium, nitrogen dan urea yang diimport. Bahan-bahan mentah ini adalah terhad pembekalannya di seluruh dunia dan harganya telah naik melambung akibat kenaikan harga minyak mentah baru-baru ini. Oleh hal yang demikian, tambahan penubuhan kilang "mixing" dan kilang "granulating" baja di Sarawak tidak akan menyelesaikan masalah kekurangan bahan mentah untuk membuat baja.

Sementara itu, Kerajaan akan membuat kajian untuk mengeluarkan bahan asas bagi baja berdasarkan pasaran seluruh Malaysia. Projek seperti ini mungkin akan berjaya, memandangkan pasaran tempatan yang lebih besar dan terjumpanya minyak mentah dan "natural gas" di Malaysia.

Tuan Patrick Anek Uren: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kenaikan harga baja berlaku tiap-tiap hari, dan dapatkah Kerajaan memberi jaminan di sini bahawa kenaikan harga baja di Sarawak tidak melambung tinggi lagi?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Sebagaimana yang saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, ianya bergantung

kepada harga bahan mentah yang kita bawa masuk ke dalam negeri untuk diproses, membuat baja-baja yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi. Jadi tidak payahlah bagi saya ataupun Kerajaan memberi jaminan bahawa harga baja ini tidak dinaikkan lagi lebih tinggi, kerana sebagaimana saya katakan ianya bergantung kepada keadaan pasaran dunia berkenaan dengan harga bahan-bahan mentah yang kita gunakan bagi memproses baja.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kenaikan harga baja ini akibat dari kenaikan harga minyak dan lain-lain, adakah Kerajaan berfikir hendak memberi subsidi baja kepada petani-petani yang menanam lada seperti subsidi yang diberikan kepada beras dan bahan-bahan yang lain?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain. Berkenaan dengan subsidi sudah masuk masaalah lain pula.

LESEN KEDIAMAN KEPADA PEMBINA PERUMAHAN

3. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa beberapa penguasa tempatan telah mengeluarkan lesen kediaman kepada Pembina-pembina Perumahan walaupun rumah-rumah yang dibina tidak mempunyai air dan bekalan letrik. Jika ya, adakah beliau bercadang hendak mengetatkan Akta Pembina Perumahan supaya lesen kediaman tidak dikeluarkan oleh penguasa tempatan sebelum rumah-rumah yang berkenaan mempunyai bekalan air dan letrik.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar sedar bahawa ada beberapa Penguasa Tempatan telah mengeluarkan lesen kediaman pada pembina-pembina perumahan walaupun rumah-rumah yang dibina tidak mempunyai air dan bekalan letrik. Mengikut Performa Perintah Pembangunan (Development Order Performa) pelan bangunan hanya boleh diluluskan setelah pihak-pihak berkuasa bekalan air dan api memberikan surat pengakuan bahawa api dan air boleh dibekalkan kepada bangunan tersebut. Setelah memenuhi syarat ini pihak berkuasa tempatan tidak lagi

terikat dengan undang-undang sebagai membolehkannya mengeluarkan lesen kediaman (occupation licence) atau sijil kelayakan bangunan (certificate of fitness) walaupun rumah-rumah yang dibina tidak mempunyai air dan bekalan letrik ketika itu. Walau bagaimanapun, uniform building bye-laws sedang dikaji semula dan perkara ini akan diambil perhatian dalam kajian ini.

PROJEK-PROJEK PERINDASTRIAN DI LUAR BANDAR

4. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab kemajuan lambat tercapai dalam usaha membawa perindustrian ke pekan-pekan kecil di daerah luar bandar, umpamanya di pekan Rembau di Negri Sembilan, yang mana penduduk-penduduk di situ bersungut kerana tidak ada langsung pembangunan indastri di situ.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar jika dikatakan terdapatnya kemajuan yang lembab untuk membawa perusahaan-perusahaan ke kawasan-kawasan yang kurang maju di negara ini. Sebenarnya, sejak permulaan Rancangan Malaysia Yang Kedua, Kerajaan telah berjaya mendorong membanyakkan bilangan projek-projek perindustrian supaya ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Pada tahun 1971, sejumlah 304 projek telah diluluskan dan 131 atau 43.1% dicadangkan supaya ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Bilangan ini telah bertambah kepada 186 (52.4%) daripada jumlah 355 projek pada 1972 dan 277 (58.6%) daripada 473 projek pada tahun 1973. Pada masa 9 bulan yang pertama dalam tahun 1974, sejumlah 375 projek telah diluluskan dan 239 (63.7%) akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Berkenaan dengan Negri Sembilan sejumlah 60 projek telah diluluskan sejak tahun 1971 hingga bulan September, 1974, daripadanya 38 projek akan ditempatkan di kawasan Perindustrian Senawang, 8 di daerah Kuala Pilah, 5 di daerah Seremban, 4 di daerah Port Dickson dan selebih 5 projek lain akan ditempatkan di beberapa kawasan-kawasan yang lain. Pada masa ini satu kajian untuk membawa kemajuan di pekan-pekan kecil di daerah-daerah luar bandar di Negri Sembilan sedang dibuat oleh sebuah Syarikat

Perunding Antarabangsa yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan bersama-sama Kerajaan Negri Sembilan. Dalam kajian ini perhatian yang sewajarnya akan diberi pada pekan Rembau.

Untuk mempercepatkan penaburan perusahaan-perusahaan ke kawasan-kawasan yang kurang maju di negara ini, Parlimen baru-baru ini telah meluluskan Galakan Penempatan (Locational Incentives) yang memberi jangka masa maksima kelepasan cukai sehingga 10 tahun kepada projek-projek yang telah diluluskan dan yang akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang ditentukan.

Tuan Lim Kit Siang: Solan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada memberi angka-angka mengenai jumlah kilang-kilang yang diluluskan untuk kawasan-kawasan kurang maju untuk tahun 1972, 1973 dan 9 bulan tahun ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini di antara jumlah kilang-kilang ataupun projek-projek yang diluluskan untuk kawasan kurang maju, berapa peratuskah yang telah dilaksanakan oleh kerana meluluskan satu projek adalah satu hal, tetapi melaksanakannya adalah lain hal, dan di antara projek-projek yang telah dilaksanakan berapa pekerjaan telah diwujudkan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma boleh menjawab pertanyaan yang pertama. Dari segi bilangan projek-projek yang telah dilaksanakan, ini saya telah nyatakan tadi dalam mana saya kata daripada 304 projek yang telah diluluskan 131 dicadangkan bermakna setengah daripada projek ini adalah sudah dilaksanakan.

Dalam soalan yang kedua itu, bilangan pekerja yang telah diambil dengan dilaksanakan projek-projek ini, saya sukalah kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat menemui saya, saya akan memberikan angka-angka bilangan pekerja yang kita telah ambil semenjak projek-projek ini dilaksanakan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini daripada pengalaman Kementeriannya bila dibanding dengan projek-projek yang lebih maju samada kadar (rate) perlaksanaan projek-projek yang diluluskan lebih rendah daripada di kawasan kurang maju bila dibanding dengan kawasan lebih maju. Jikalau

ada, apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kelemahan ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan asalnya tentang sebab-sebab mengapa lambat, dan telah dijelaskan tadi hal ini. Jadi, Yang Berhormat Menteri tidak payah jawab.

SAMPAH SARAP DEWAN BANDARAYA

5. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa Dewan Bandaraya telah membuang sampah dekat dengan jalan masuk ke kampung Cheras Bahru berhadapan dengan Taman Midah, Batu 6 Jalan Cheras, Kuala Lumpur; dan jika ya, nyatakan samada beliau akan memberi arahan untuk menghentikan pembuangan sampah di situ.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya tidak membuang sampah di tempat yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Semua sampah-sampah yang diangkat oleh lori-lori kepunyaan Dewan Bandaraya dibuang di tempat pembuangan sampah Dewan Bandaraya yang terletak di Batu 3 $\frac{3}{4}$, Jalan Sungai Besi berhampiran dengan Store Bengkel Jabatan Kerja Raya (Selangor).

Pembuangan sampah sarap di tempat seperti yang dinyatakan adalah dilakukan oleh sebilangan kontrektor-kontrektor persendirian.

Dewan Bandaraya sedia maklum mengenai perkara ini dan tindakan sedang diambil untuk mencegah dan memberhentikan sama sekali pembuangan sampah secara haram ini.

KAYU BALAK DI SARAWAK

6. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi memulihkan kemunduran dalam perusahaan kayu balak sekarang ini dan pengangguran yang meluas akibat penutupan banyak kem-kem kayu balak di Sarawak.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar bahawa keadaan

kemerosotan dalam perusahaan kayu-kayan adalah disebabkan oleh keadaan inflasi di seluruh dunia dan juga keadaan kewangan yang tidak stabil. Ini terwujud pada masa ini adalah kerana stagflasi, bermakna kita sedang menghadapi tekanan daripada inflasi dan recession pada masa yang sama. Masaalah yang dihadapi oleh perusahaan kayu-kayan, bukan sahaja dihadapi oleh negara kita, bahkan oleh negara-negara lain seperti negara Indonesia dan Filipina. Pendek kata, keadaan di negara tersebut adalah lebih merosot.

Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak telah mengkajikan perkara ini dengan cara mendalam dan telahpun mengadakan perbincangan dengan pembalok-pembalok (loggers) dan perdagangan kayu untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi kesulitan dan kemerosotan pasaran kayu yang sedang dialami sekarang. Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak akan cuba melaksanakan apa juga langkah-langkah yang sesuai yang telah dipersetujui dalam perbincangan yang telah diadakan di antara Jabatan Perhutanan, pembalok dan perdagangan kayu di Sarawak itu.

Seperti yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri bersetuju menjalankan beberapa langkah segera untuk mengurangkan kesulitan yang dihadapi oleh perusahaan tersebut. Langkah-langkah tersebut termasuklah menambahkan potongan ke atas royalty balak yang diproses di dalam negeri dari 30% kepada 50% sebagai galakan kepada perusahaan itu untuk memproses balak di dalam negeri. Peraturan minima royalty yang dikenakan mengikut Lesen Balak Hutan sekarang dikendurkan buat sementara waktu. Bayaran premium menurut setengah-setengah lesen yang dipungut sebagai sebahagian daripada hasil bagi Kerajaan juga akan dikendurkan buat sementara waktu. Kecuali premium yang memberi satu sumber pendapatan kepada Yayasan Sarawak, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Balak dan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Kerajaan Sarawak juga bersetuju bahawa faktor menentukan zon bagi kawasan-kawasan untuk mengira royalty akan dikaji semula sedikit masa lagi bertujuan memberi kemudahan kepada kawasan-kawasan yang mengalami kos pengeluaran yang tinggi.

Tuan Patrick Anek Uren: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyebutkan tentang langkah-langkah yang akan Kerajaan ambil untuk menolong pembalok

dan orang yang bekerja mengenai kayu-kayan. Adakah langkah itu termasuk langkah menolong pekerja-pekerja yang terlibat dalam kemerosotan industri ini?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti ini sudah juga saya jawab pada 26hb November dahulu. Satu daripada cadangan Kerajaan Sarawak ialah supaya mereka yang menganggur ini ditempatkan, diberikan kerja dalam Rancangan Kemajuan Tanah dan juga dalam projek-projek membuat jalanraya.

JURURAWAT TERLATIH MALAYSIA DI LUAR NEGERI

7. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan Jururawat-jururawat Malaysia di luar negeri yang telah menyahut seruan beliau supaya kembali dan bertugas di tanahair, dan apakah syarat-syarat perkhidmatan yang ditawarkan kepada jururawat-jururawat yang 'setia' ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Jururawat-jururawat Terlatih Malaysia di luar negeri yang telah kembali semenjak 1972 ialah seramai 349 orang. Ini dapat dibahagikan seperti berikut.

(a) Kelulusan dari United Kingdom		255 orang
(b) Kelulusan dari Australia		68 orang
(c) Kelulusan dari negeri-negeri lain		26 orang
		349 orang

Kecuali 33 orang yang menolak tawaran jawatan, semuanya sedang bertugas dengan Kerajaan.

Syarat-syarat perkhidmatan yang ditawarkan kepada Jururawat-jururawat Terlatih yang kembali dari luar negeri ini sama seperti yang dinikmati oleh Jururawat-jururawat Terlatih kelulusan Sekolah-sekolah Latihan Jururawat dalam negeri. Tanggagaji yang ditawarkan ialah \$350 × 25-400/425-750. Mereka dikehendaki berkhidmat selama 3 tahun dari tarikh perlantikan mereka ke jawatan tetap sebelum boleh disahkan dalam jawatan dan dimasukkan ke dalam jawatan berpencen. Bagi mereka yang tidak layak

dilantik tetap akan ditawarkan jawatan Jururawat Terlatih secara kontrek, selama tidak lebih daripada 3 tahun bagi satu-satu kontrek. Di akhir kontrek, mereka dibayar ganjaran. Tertakluk kepada permohonan, kerja-kerja yang memuaskan dan wujudnya kekosongan, mereka boleh dilantik semula dengan syarat-syarat yang serupa.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar oleh sebab Jururawat-jururawat Terlatih yang kembali ke negara kita dan memohon kerja kepada Kementerian Kesihatan, tetapi oleh sebab Kementerianya mengambil masa bukan satu bulan, bukan dua bulan, bahkan barangkali tiga bulan atau empat bulan sebelum jururawat diberi jawapannya maka mereka kebanyakannya balik ke United Kingdom dan Australia. Apakah tindakan Kementerian Kesihatan telah ambil supaya kelewatan pengambilan jururawat-jururawat ini boleh dicepatkan atau dikurangkan supaya mereka tidak boleh balik ke United Kingdom atau ke Australia?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soal berkenaan dengan kelewatan ini memang ada berlaku, tetapi saya sendiri pun telah bertemu dengan pemohon-pemohon yang mahu datang bertemu dengan saya dan saya telah memberi arahan kepada pegawai-pegawai di Kementerian saya dan akan melanjutkan permohonan itu dengan secepat mungkin, akan tetapi kadang-kadang dokumen-dokumen yang perlu itu tidak cukup dan tidak berapa terang. Dengan itu saya harap kepada pemohon itu datang ke Kementerian Kesihatan secara persendirian maka perkara-perkara yang penting boleh diselesaikan dengan serta-merta, tidak payah dihantar surat dan sebagainya. Saya telah menjamin kepada semua jururawat terlatih dari luar negeri itu yang layak akan dapat bekerja di Kementerian saya dengan secepat mungkin, tetapi kadang-kala seperti yang telah saya sebutkan ialah kelewatan berkenaan correspondence di antara Kementerian saya dengan mereka yang disebutkan itu.

Tuan Oh Keng Seng: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa syarat-syarat perkhidmatan kepada jururawat yang kembali dari luar negeri tidak memuaskan seperti mereka terpaksa berkhidmat selama tiga

tahun dalam probation. Ini satu condition yang tidak memuaskan jururawat. Apakah tindakan Yang Berhormat Menteri akan timbangan atau akan ambil untuk mengatasi masaalah itu?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, semua kakitangan Kerajaan baru akan mendapat confirmation selepas tiga tahun.

Ini bukan sahaja kepada jururawat, tetapi kakitangan-kakitangan yang lain seperti doktor-doktor.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab Kementerian Kesihatan pada masa sekarang masih ada kekurangan jururawat yang banyak, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan suatu rancangan untuk mengambil jururawat asing daripada jiran kita supaya boleh mengatasi kekurangan jururawat ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang panjang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk menambahkan bilangan pengambilan student nurses mulai tahun 1972 hingga sekarang. Tahun 1972 pengambilan student nurses cuma 300 orang sahaja, akan tetapi sekarang pengambilannya telah meningkat naik kepada 800 orang setahun dan Sekolah-sekolah Jururawat itupun telah ditambah daripada tiga buah sekolah kepada empat buah sekolah dan juga sebuah sekolah akan didirikan di Kota Bahru dan sebuah sekolah lagi sedang didirikan di Ipoh. Bila sekolah-sekolah yang baharu ini siap, kita mengadakan enam buah Sekolah Latihan Jururawat. Begitu juga kekurangan jururawat-jururawat ini bukan berlaku di negeri kita sahaja, setahu saya semua negeri-negeri jiran di rantau ini ialah kekurangan jururawat-jururawat. Begitu juga saya sendiri pun merayu kepada hospital-hospital swasta akan memberikan latihan kepada jururawat-jururawat di hospital itu, dan saya harap pada masa yang akan datang adalah sekolah jururawat yang mendapat sokongan daripada swasta akan didirikan di negeri ini.

KAWAT LETRIK—KEKURANGAN

8. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil

oleh beliau untuk mengatasi kekurangan kawat-kawat letrik untuk menjalankan projek-projek letrik di kawasan-kawasan luar bandar.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, beberapa rancangan bekalan letrik ke kawasan luar bandar dan juga bekalan ke kawasan-kawasan tertentu telah tergendala oleh kerana kekurangan barang-barang pembinaan yang diperlukan. Ada lima jenis barang-barang yang masih kekurangan sekarang ini iaitu:

- (i) Wayar aluminium ("kawat-kawat letrik") tidak bersalut.
- (ii) Wayar aluminium bersalut.
- (iii) Suisgier 11 kV.
- (iv) Alatubah ("transformer").
- (v) Tiang jenis kayu dan jenis konkrit.

Untuk mendapatkan wayar aluminium tidak bersalut, Lembaga telah memesan pada 28hb Februari, 1973 tiga juta ela wayar daripada sebuah firma di Semenanjung Malaysia dengan jadual serahannya 150,000 ela sebulan. Malangnya, setakat awal bulan November 1974 hanya 1,600,000 ela telah diterima. Lembaga telah diberitahu oleh firma berkenaan bahawa mereka tidak menerima bahan mentah yang mencukupi dari luar negeri. Kekurangan bahan mentah ini disebabkan oleh mogok di luar negeri.

Pada bulan Februari 1974 Lembaga menawarkan tender untuk membeli tiga juta ela. Pada bulan Mei 1974 pesanan telah dibuat daripada sebuah firma tempatan. (Lain daripada firma yang saya sebutkan tadi). Jadual serahannya ialah 300,000 ela sebulan dan setakat bulan Oktober 1974 cuma sebanyak 1,100,000 ela telah diterima. Sementara itu juga Lembaga telah membeli 200,000 ela pada bulan Oktober 1973 dari pembekal tempatan. Sebanyak 100,000 ela lagi telah dibeli pada bulan Januari 1974 daripada sebuah firma lain di Kuala Lumpur dengan harga yang lebih mahal, tetapi terpaksa juga dibeli untuk menambah bekalan wayar jenis ini.

Dengan adanya pesanan-pesanan seperti saya sebut di atas dan sekiranya firma-firma berkenaan mengikut jadual serahannya, maka kedudukan wayar ini tidak sebegitu buruk seperti tahun 1973 dan awal 1974.

Untuk mendapatkan wayar aluminium bersalut PVC, Lembaga telah memesan:

Pada 17hb Februari 1973 sebanyak dua juta ela daripada sebuah firma tempatan yang mengimpotnya daripada Taiwan. Jadual serahannya ialah 100,000 ela sebulan mulai bulan April 1973, tetapi sehingga bulan Oktober 1973 hanya 400,000 ela telah diterima. Dalam bulan November 1973 hingga bulan April 1974 tidak ada bekalan yang diterima. Keadaan ini disebabkan oleh kesukasan mendapatkan barang mentah PVC dalam tahun 1973. Walaupun begitu keadaan telah bertambah baik dan pada bulan Mei, Jun dan Julai 1974 sebanyak 50,000 ela telah diterima. Adalah dijangka bahawa baki sebanyak 1,100,000 ela akan dapat dibekalkan dari bulan ke sebulan.

Pada 8hb Disember 1973 Lembaga telah juga memesan satu juta ela daripada firma tempatan, (lain daripada firma yang saya sebut di atas sebentar tadi) tetapi sehingga Oktober 1974 hanya 600,000 ela yang telah diterima.

Pada bulan Mei 1974, Lembaga memesan dua juta ela lagi dari sebuah firma tempatan dengan serahannya sebanyak 200,000 ela sebulan. Tetapi hingga November 1974 hanya sebanyak 200,000 ela sahaja yang telah diterima.

Sementara itu juga Lembaga telah membeli sebanyak 60,000 ela daripada dua buah firma-firma tempatan untuk menampung bekalan wayar ini.

Dengan adanya pesanan-pesanan yang saya sebut di atas, adalah mencukupi untuk kegunaan Lembaga kiranya pihak firma-firma berkenaan dapat membekalkan mengikut jadual serahan yang telah ditetapkan.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang mendapatkan kawat-kawat ini daripada negeri-negeri luar secara terus selain daripada pesanan kepada firma-firma tempatan?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga ada juga berikhtiar, tetapi ini pun sukar juga untuk mendapatnya kerana kekurangan bahan-bahan mentah di luar negeri.

BEKALAN SIMIN BAGI PEMBORONG-PERUNCIT

9. Tuan K. Pathmanaban bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada:

- (i) beliau sedar bahawa pembayaran wang yang lebih daripada resit (under the counter payments) yang dibayar oleh pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit untuk mendapatkan bekalan simin menyebabkan projek pembinaan yang dianjurkan oleh Kerajaan tidak dapat bekalan simin yang cukup; dan
- (ii) beliau akan menimbang memasukkan satu syarat (condition) dalam permit-permit yang dikeluarkan kepada pengeluaran-pengeluaran simin untuk membekal sebahagian daripada hasil keluaran mereka kepada Kerajaan untuk kegunaan projek-projek Kerajaan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak mendapat lapuran secara rasmi tentang adanya perbuatan membayar wang yang lebih daripada resit terhadap harga simin. Kesulitan yang dihadapi untuk mendapat bekalan simin yang cukup adalah disebabkan oleh kekurangan bekalan simin pada masa ini di mana keperluan simin telah melebihi pengeluaran di dalam negeri hasil dari kegiatan projek-projek pembangunan yang bertambah seperti dijelaskan di Dewan ini pada 25-11-1974.

Saya rasa cadangan Ahli Yang Berhormat itu tidaklah perlu pada ketika ini, kerana telah ada suatu Jawatankuasa Bertindak Menegenai Simin yang mengawasi pembekalan simin yang cukup kepada projek-projek keutamaan Kerajaan.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa kontraktor-kontraktor kepada Kerajaan yang diberi sijil priority atau sijil keutamaan sedang menjual sijil itu kepada kontraktor-kontraktor private dan oleh sebab itu projek-projek Kerajaan tidak dapat bekalan simin yang cukup.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada berlaku perkara ini, saya menerima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kalau dapat

memberikan lapuran-lapuran yang tepat berkenaan dengan ini supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

LERTIK DI BACHOK—KEPUTUSAN BEKALAN

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan samada beliau sedar tentang selalunya keputusan bekalan letrik di Bachok terutama di Batu 15 hingga Batu 22 Jalan Kota Bahru/Bachok terutama apabila hujan, tanpa sebarang penerangan mengenai daripada Kementerian beliau dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan dalam musim hujan yang akan datang tidak lama lagi.

Tuan Haji Mohamed bin, Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, bekalan letrik tergendala bukan sahaja di kawasan Batu 13 ke Batu 22, Jalan Kota Bharu, Bachok tetapi dialami juga di beberapa tempat lain di Negeri Kelantan. Tetapi keadaan bekalan letrik di Negeri Kelantan telah bertambah baik dari bulan Oktober 1974 selepas tindakan sesuai telah diambil oleh L.L.N.

Ada dua sebab-sebab berlakunya gangguan bekalan letrik yang dimaksudkan:

- (a) Oleh kerana beban letrik telah meningkat dengan pesatnya di Negeri Kelantan, keupayaan loji ("power plant") yang sedia ada di Stesyen Janaletrik Lundang dan Lemal tidak mencukupi lagi. Oleh sebab itu, bekalan terpaksa dipotong secara bergilir-gilir (rotational load shedding) untuk memadankan beban keupayaan loji di stesyen-stesyen tersebut. Untuk mengatasi kesulitan ini pihak L.L.N. sedang memasang loji tambahan di Stesyen Janaletrik Lundang dan dijangka siap sebelum akhir tahun ini.
- (b) Di masa kejadian hujan, bekalan letrik mungkin terganggu oleh beberapa sebab yang tertentu seperti berikut:

- (i) Rangkaian talian agehan ("Transmission network/system") bekalan letrik 33 kV di Negeri Kelantan adalah sangat luas dan panjang. Dengan keadaan yang demikian ianya terdedah pada keadaan cuaca buruk seperti kilat dan angin kencang yang mengganggu-nya.

- (ii) Talian ini juga melalui kampung-kampung dan dusun-dusun dan seringkali L.L.N. mengalami kesukaran untuk memotong pokok-pokok. Walau bagaimanapun, L.L.N. sedang mengambil langkah-langkah untuk menyediakan rentis yang sesuai.
- (iii) Talian tersebut juga kerap kali dirosakkan oleh sampah sarap, layang-layang dan dahan-dahan yang didapati tercampak ke atasnya. Orang ramai adalah diminta bekerjasama untuk mengatasi masalah ini.

PENGKALAN TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA DI LUMUT

11. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan Kompleks Tentera Laut Di-Raja Malaysia di Lumut akan dibina kerana Kerajaan telahpun mengambil kawasan tanah yang besar itu bagi tujuan tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pembinaan di tapakbina telah dimulakan pada 17hb Jun, 1974. Oleh kerana projek ini sangat rumit, Pengkalan Tentera Laut itu tidak akan siap dengan sepenuhnya sehingga awal tahun 1980. Mengikut jadual yang ada sekarang, Tentera Laut Di Raja Malaysia mungkin akan dapat menduduki dan mengendalikan sebahagian dari kompleks ini mulai daripada bulan Januari, 1978.

PERTUNJUKAN KEBUDAYAAN CHEW YUENG

12. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab Polis tidak membenarkan "Pertunjukan Kebudayaan Chew Yueng" pada tahun ini diadakan di Pulau Pinang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk mendapatkan permit bagi pementasan pertunjukan CHEW YUENG (Suria Pagi) yang dijadualkan pada 9hb hingga 11hb September, 1974 di Pulau Pinang tidak dapat diluluskan

setelah siasatan yang dijalankan mendedahkan bahawa ada di antara acara-acara pertunjukan tersebut mengandungi perkara-perkara yang prasangka kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara, juga bertentangan dengan Rukunegara.

JALAN LENGGENG KE KAMPUNG MENDUM PANTAI

13. Tuan Lee Boon Peng bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan samada beliau sedar bahawa pembinaan jalan dari Jalan Lenggeng ke Kampung Mendum, Pantai di Negri Sembilan di bawah peringkat pertama Rancangan Malaysia Kedua belum dimulai. Jika ya, bila Kementerian beliau akan membina 6 batu jalan ini yang akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk Jelebu dan memendekkan jaraknya (distance) ke Lenggeng dengan 18 batu dan ke Kuala Lumpur dengan 12 batu.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, jalan ini sepanjang 6 batu daripada Lenggeng ke Kampung Mendum, Pantai, Negri Sembilan adalah satu jalan "luar bandar" di mana pelaksanaannya adalah berdasarkan kepada ketutamaan yang ditentukan oleh Majlis Tindakan Negeri. Bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat itu, bidang kerja atau (Scope of Work) bagi jalan itu telah ditetapkan dan peruntukan untuk pengambilan tanah akan diperolehi dalam tahun 1975.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat- dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Anggaran Pembangunan, 1975 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (2hb Disember, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyambung ucapannya, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, iaitu kiranya ramai lagi yang hendak bercakap di dalam masaalah ini, maka Mesyuarat akan diteruskan sehingga 6.30 petang hari ini, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan menjawab pada hari esok. Tetapi, kalau tidak ramai yang hendak bercakap, maka saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab hari ini juga, dan setelah disetujukan Kepala B. 1 sampai B. 12 dan P. 8 serta P. 10, maka saya akan minta Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriaannya, kerana Yang Berhormat akan berangkat menunaikan fardhu haji.

Kepala B. 1 hingga B. 12 (Jadual)—

Kepala P. 8 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan 1975)—

3.17 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, semalam apabila Dewan ini ditangguhkan, saya ada menyentuh Kepala B. 1 mengenai Parlimen, dan dalam ucapan saya di bawah beberapa Kepala, saya meminta izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

Semalam saya ada memberi dua sebab yang sangat perlu dan tindakan yang segera diambil untuk meninggikan elaun-elaun untuk kakitangan-kakitangan Parlimen.

Pertamanya ialah oleh kerana perbezaan besar antara elaun untuk kakitangan-kakitangan di Parlimen dan di luar Parlimen dalam Kerajaan umum.

Kedua oleh kerana bertambahnya beban kerja kakitangan-kakitangan di Parlimen selepas jumlah Ahli-ahli Parlimen naik daripada 144 orang kepada 154 orang, dan saya sangat terperanjat apabila pagi ini saya baca *Straits Times* ada satu lapuran mengatakan bahawa "Mr Lim Kit Siang called on the Government to review the salaries and allowances for MPs. He felt that MPs should

be paid more because of the increased workload." Saya harap pihak *Straits Times* boleh membetulkan lapuran ini, oleh kerana sebenarnya Parti DAP tidak mempersetujui dengan kenaikan elaun yang disarankan untuk Ahli-ahli Parlimen, tetapi saya tidak akan anticipate pada perbahasan atas perkara ini, disebabkan Undang-undang akan dikemukakan barangkali lagi dua minggu.

Tuan Pengerusi: Barangkali niat sudah ada, hanya tidak hendak bercakap sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Masa itulah kita baru berbahas mengenai perkara ini. Apa yang saya kata semalam untuk kakitangan-kakitangan Kerajaan bila satu-satu persidangan yang disifatkan sebagai National Conference ada empat bahagian pembayaran honorarium iaitu \$16, \$12, \$9 dan \$6, berbanding dengan kakitangan-kakitangan Parlimen iaitu \$6, \$5, \$4 dan \$3, walaupun satu Mesyuarat Parlimen. Saya tidak faham kenapa sudah beberapa tahun Perbendaharaan tidak mahu mengakui bahawa Mesyuarat Parlimen sebagai satu National Conference. National Conference dalam ertikata ialah satu mesyuarat yang melibatkan lebih 50 orang daripada beberapa Jabatan Kerajaan yang bermesyuarat lebih daripada 3 jam, selepas office hours. Apabila Parlimen bersidang bukan sahaja 154 orang Ahli-ahli Parlimen terlibat, bahkan berpuluh-puluh Pegawai-pegawai Kerajaan. Baru-baru ini saya ada membuat satu kajian sepintas lalu di belakang Menteri-menteri sekarang ada lebih-kurang 70-80 orang pegawai-pegawai Kerajaan. Ertinya, lebih daripada 200 orang yang ada terlibat dalam mesyuarat dan itu tentulah lebih ramai daripada difinasi biasa untuk National Conference yang melibatkan 50 orang sahaja. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan boleh mengambil tindakan yang segera untuk membetulkan anomaly ini, dan dengan dynamism and vigorous kakitangan-kakitangan Parlimen ini dapat satu just deal tidak lama lagi. Saya berharap sebelum Dewan ini menerima Undang-undang atau membahaskan Rang Undang-undang untuk menaikkan elaun untuk Ahli-ahli Parlimen, perkara elaun untuk kakitangan-kakitangan Parlimen boleh diselesaikan.

Tuan Pengerusi, Perkhidmatan Parlimen adalah satu perkhidmatan tertutup dan peluang-peluang untuk kenaikan pangkat

sangat terhad, dengan sebab itu mewujudkan frustrasi di antara kakitangan-kakitangan Parlimen, lagipun tidak ada lain-lain inisiatif atau peluang untuk mereka naik pangkat. Saya rasa masa sudah sampai untuk Kerajaan atau pihak yang berkenaan menjalankan satu kajian untuk mendapatkan satu solution yang memuaskan hati atas perkara ini. Ada dua jalan atau dua cara yang boleh untuk mengatasi soal ini. Yang pertama, memberi inisiatif tambahan untuk kakitangan-kakitangan Parlimen seperti salaries structure yang berbeza dengan salaries structure yang lebih tinggi atau langkah mesti diambil untuk de-close atau dibuka Perkhidmatan Parlimen ini di mana kakitangan-kakitangan Parlimen boleh dapat peluang naik pangkat di Jabatan-jabatan luar daripada Parlimen sungguhpun peraturan-peraturan boleh dibuat di mana beberapa jawatan yang tinggi boleh dikecualikan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyentuh B. 8—Urusetia Perpaduan Negara.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, although national unity remains the overriding problem of the country, it would appear that the Government has continuously downgraded the importance of national unity. The Government has set up the National Unity Board in succession to the National Unity Advisory Council. When Parliament was asked to amend the Constitution in 1971 to remove the traditional Parliamentary privilege of immunity of Members of Parliament, banning MPs from raising sensitive issues in this Chamber, we were told that the Government had no intention of sweeping unpleasant things under the carpet. Although sensitive issues would not be allowed to be raised in Parliament, as they would attract publicity—that was the reason given—they would still be permitted to be raised in another forum, namely the National Unity Advisory Council, and also a Ministry of National Unity was formed.

From what I know, the National Unity Advisory Council was ineffective, met at rare intervals and during the last two years of its existence never met at all, and was therefore grossly inadequate for the task of promoting national unity because of the serious lack of Government will in this direction. The abolition of the Ministry of National Unity and the National Unity Advisory Council and

their replacement by the National Unity Board marks a further downgrading of this very vitally important task.

If the National Unity Board is to make any contribution at all to national unity efforts, their meetings and discussions must not be “ivory tower” exercises, completely divorced from the hopes and fears of the ordinary Malaysians from all walks of life and from all groups of people.

The problem of national unity has become more and more grave with the passage of years. There is polarisation among the races, polarisation among the classes between the haves and the have-nots, and even estrangement between regions and states.

For instance, in the last one week, there had been mammoth hunger demonstrations involving tens of thousands of people in Baling and surrounding areas. This morning there has been a hunger demonstration by the University students in Kuala Lumpur. On the question of national unity, therefore, efforts must be taken to bring the people together to decrease the polarisation of races and of classes and, in this connection, I would call on the Prime Minister to take immediate Cabinet action to draw up a special programme to alleviate the acute sufferings of the people in the distant reaches of the countryside which have been grossly victimised by the fall in the rubber prices and the unrelenting increases in food prices and especially those of essential commodities.

The National Unity Board should review its procedures of operation in seclusion, secrecy and silence. For instance, although various studies have been commissioned by the National Unity Ministry and various Papers presented to the National Unity Advisory Council and the Ministry and its various sub-committees, we wonder whether these efforts have been useful, or whether they have been a colossal waste of time, minute-writing and paper-preparing. For any such studies to be relevant, they should be accessible to a large circle of Malaysians, and not confined to an esoteric few in the Government, who probably do not pay them serious attention.

I suggest, therefore, that all studies, Papers and work of the Ministry of National Unity, the National Unity Advisory Council and

the present National Unity Board, should be accessible to all Members of Parliament and to interested Malaysians, even though they may not be used in public discussions where they trench on sensitive issues because it is only through a wider diffusion and understanding of the problems of a multi-racial society that the basis for national unity can be properly laid. All this assuming, of course, that the National Unity Board will be engaged in useful work concerning national unity problems.

Tuan Pengerusi, saya sebut sekarang mengenai Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri juga dan mengikut buku Perbendaharaan tujuan Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan ialah untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan pelanggaran syarat dan setingan seperti yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara.

Yesterday, I was very happy to hear the Honourable Member for Setapak pleading for a more serious effort on the part of the authorities to solve the housing problem in the Federal Territory, for it shows that the Barisan Nasional, at least its MPs in the Federal Territory, are beginning to be aware of the deep and acute socio-economic problems and sufferings of the poor in the urban areas.

In fact, in many places, urban poverty is as acute, if not more, than rural poverty, especially as the poor in the urban areas do not have a plot to fall back upon, and in the urban areas where there is a greater degree of breakdown of the extended-family system and the poor cannot, as in the rural areas, depend on relatives for help. In fact the poor in the urban areas can be completely deprived and dispossessed without aid or assistance.

Undoubtedly, the housing problem in Kuala Lumpur is one of the main problems, and I call on the authorities concerned to give this problem of building cheap housing in sufficient numbers to break the housing problem in the Federal Territory, the No. 1 priority in the Agenda of business, against which all other projects must be subordinated.

Kuala Lumpur has become the Federal Territory. Therefore, let Kuala Lumpur also become a model town, where there is model

urban environment for all its inhabitants, in terms of decent housing, a home for everyone, quality of environment, and productive livelihood.

Satu perkara ialah N.B.I. pun di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri. According to the Treasury Report, again, in 1973, the National Bureau of Investigations investigated 1,376 cases, arrested 193 persons, 61 of whom were public servants. Disciplinary action was initiated against 18 Government officials.

These figures do not inspire confidence in the public that the N.B.I. is capable presently to keep corruption in Malaysia in check. Corruption at all levels in public life has become more apparent, and the N.B.I. must be given more allocations than the present paltry \$2.2 million to take on sufficient manpower and staff to conduct its investigations. Thus, although the N.B.I. received 3,416 tips or information in 1973, it could investigate only 1,476 cases. In the first five months of this year, the N.B.I. received 1,500 tips or information, but could only undertake 359 investigations.

The N.B.I. is too short-handed and must be expanded in all states. It must be able to deal speedily and efficiently on all public complaints of corruption, and cases like the investigation into the allegations of corruption involving the Menteri Besar of Selangor taking over one year and without any indication even now whether the N.B.I. has gone half-way or is merely scratching the surface of the case, cannot give the people a very high opinion about the N.B.I.

It is also obvious that the N.B.I. does not possess sufficient powers to enable it to act efficiently to check corruption. Legislation should be brought in to tighten up and to confer greater powers to the officers of the N.B.I., so that corruption can be brought under check, instead of festering into a national cancer as it is today.

Finally, of course, the N.B.I.'s effectiveness will not depend on the number of staff or the legal powers, but on the political will of the Government. It is here where the Government must still pass the test.

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyentuh Kepala B. 7—Suruhanjaya Perkhidmatan

Pelajaran—yang pun bertanggungjawab mengenai Perkhidmatan Kerani Pelajaran. There are 2,000 school clerks in the country who are a very unhappy lot. Their work-loads have increased considerably, and they are required to be multi-purpose officers. They are not only clerks in schools, but must also be in charge of banking, correspondence, accounting, become cashiers and telephone operators, type question papers, and even be in charge of extra-mural activities like Parents/Teachers Association mail, school societies, sports, etc. The school clerks have also to be in charge of school fees, which is the full-time work of a cashier. In many cases, the clerks have to take their work home to do, after working hours, without over-time pay.

I call on the Honourable Minister of Education to use his good offices to ensure that the Education Service Commission will look into the legitimate complaints of the school clerks. At present, a school with less than 400 pupils has a part-time clerk, while a school with less than 1,000 pupils has one clerk. In view of the increased work-loads, schools with less than 500 pupils should employ one full-time clerk, while schools having more than 500 pupils should employ two clerks. The school clerks also do not know whether Service Circulars issued by the Treasury pertaining to Government clerks also apply to them, and I hope the Honourable Deputy Minister will be able to make a suitable clarification on this.

I do not know whether it is because of the over-burdening of the school clerks, or whether it is the fault of the State Education Departments, that in many States like Kedah and Johore, there has been chronic late payment of salaries of teachers causing grave inconvenience and hardships, and in this connection, I would also like to take this opportunity to ask the Honourable Deputy Minister to use his good offices to ensure that teachers will be able to receive their Christmas pay a week before Christmas and not, as it is now scheduled, two days before Christmas, so that they will be brought in line with the Hari Raya payments—a week before Hari Raya.

While on the Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, I would like to raise the question of teachers with unrecognised university

degrees, in the eyes of the Government, but who have been recognised by the University of Malaya and taken and passed the Diploma of Education courses and have joined the Government Service. Such teachers are put on scale C2, same as those with M.C.E. qualifications. This is grossly unfair, and I call on the authorities concerned to put these teachers on D3 as they have received professional training in the University of Malaya, irrespective of whether they had had their first university degree from the Nanyang University, Formosan University, Ngee Ann College, any Indian University or the Middle Eastern Universities.

Berkenaan Kepala B. 8 ada lagi satu perkara mengenai Petroleum Division, and we are aware now that PETRONAS is now under the Prime Minister's Department. We read in today's Press of a plan by the Petroleum Dealers' Association of Malaysia to boycott nation-wide sale of petrol and diesel to back their claim for recognition by the five oil companies. The five international oil companies which, among themselves, monopolise the oil market in Malaysia must be educated to respect Malaysian interests and rights. So far, the international oil companies have been able to hold Malaysian consumers and dealers to ransom because of their monopoly in importing, refining and marketing. The Government must step in to rectify this imbalance of economic power by compelling the oil companies, which are subsidiaries of multi-national corporations to be more responsible corporate creatures taking Malaysian needs fully into consideration. The Government must not again be seen to be a captive victim of the five international oil companies operating in Malaysia.

In this connection, I was very disappointed that there has been no clarification or policy statement made on the part of the Prime Minister or his Deputy during the winding up of the debate on the Budget concerning the policy of the Government with regard to oil prices in the foreseeable future because this reticence on the part of the Government can only fan the expectation of further oil price increases very shortly.

I would like here to give the Government a forewarning that any future upward revision of oil prices will only trigger off a further chain reaction of new price movements, especially in food, because of

increased transport costs, and when that happens, there will be even more Baling-type hunger strikes throughout the country.

I urge that before there are new price changes in oil products, there must be the fullest public discussion of the case for it, so that the public and the consumers can be given an opportunity to rebut the oil companies' case for upward revision of prices.

With the formation of PETRONAS, I call on the Government to work out an oil strategy which aims finally in the nationalisation of all oil companies within a time-span of five or ten years. We must cut out the international oil companies and deal directly with the oil-producing countries in the Middle-East so that Malaysians themselves, and not American or European capital interests, can import, refine and sell oil. Meanwhile, PETRONAS should embark on a scheme to depend more on our own oil production and cut down oil imports, so that we can be self-sufficient as much as possible in oil products.

I have still to read of policy decisions on the part of the Government or the PETRONAS to set up refineries and I hope that this will not be delayed any further.

Tuan Pengerusi, I would now like to touch briefly on Kepala B. 10—Kehakiman. The shortage of Magistrates has created many problems. For instance, juvenile delinquents, i.e. those under 16 years of age, whose parents refuse to stand bail for them are, in the case of Kuala Lumpur, remanded in Asrama Sungei Besi for months without justice being meted out to them. As the Asrama is now overcrowded, these juvenile offenders are remanded in the Sungei Besi Police Station lock-up. The mixing of the juvenile offenders with adult offenders in the same cell cannot but have a very bad and deleterious influence on the young minds, and I hope that this matter will be immediately rectified.

Conditions of service of Magistrates must be made more attractive to recruit and retain Magistrates, so that we will not have yearly a fantastic backlog of cases. Thus, Magistrates complain that their mileage claims undergo inordinate delays before approval, sometimes taking as long as two years. This, surely, is not action-oriented administration. Some Magistrates have been

threatened, I hear, with Court action by petrol pump proprietors for not settling their bills.

The freeze on car loans by the Government has affected Magistrates, especially Circuit Magistrates. Loans should, therefore, be given to Magistrates who are required to travel in the course of their duties.

Magistrates posted to various districts outside the Federal Territory do not get quarters, as State Governments disclaim responsibility on the ground that the Magistrates are Federal officers. As there are only 53 Magistrates and Sessions Court Presidents, surely the Federal Government can easily take care of this quarters problem of the Magistrates concerned.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya hendak sebut sedikit mengenai Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya. Much has been said about the mass disenfranchisement of voters and the non-registration of eligible voters in the 1974 General Elections. I would urge the Election Commission not to turn a deaf ear or a blind eye to these complaints, which go to the very root and meaning of the democratic process.

The Honourable Prime Minister has said that the problem of missing voters is not a very serious one as only some 4,000 persons objected or complained to the Election Commission when the Election Commission invited representations which amounted to only about 0.01% of the electorate. We will be deceiving ourselves if we pretend that only 4,000 voters lost their votes in the recent Elections. This, in fact, would not represent more than 2% of the total missing voters.

The Prime Minister has appointed two Ministers to discuss with the Election Commission ways of devising an effective system of registering voters. If the authorities concerned are really sincere in wanting to devise a system whereby every citizen is entitled to vote, then I do not think this will be beyond human ingenuity and inventive capability.

For instance, one practical system will be to base voters' registration on the identity card system, whereby every holder of the identity card is deemed to be a voter in the area or the constituency of the address given in the identity card. Any change in the address of the holder of the identity card will be accompanied by a change in

the constituency, and the Election Commission can get all these particulars directly from the Registration Department which, of course, would necessitate the closest co-operation between the Election Commission and the Registration Department. I think this is essential because the number one task of the Election Commission should be to ensure that every citizen has a right to vote and all the other administrative problems can then be dealt with subsequently.

Finally, the Election Commission should supply every political party a set of the electoral rolls during the annual revision of voters, so that the political parties can assist the people, the citizens to check with regard to their names appearing on the list or otherwise, and the Election Commission should resist from trying to make money as in the past when it charged very prohibitive rates on political parties who wished to purchase a set of electoral rolls. In fact there was a year whereby even money could not buy electoral rolls. I think this list should be made easily accessible as a lot of money has been voted for this.

I hope these points would be taken in good heart.

3.45 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan, 1975 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri semalam sebagai tanggungan di bawah Perdana Menteri yang berjumlah \$272,153,988. Ini termasuklah \$138,618,800 sebagai belanja mengurus dan \$133,535,188 sebagai Anggaran Pembangunan. Anggaran ini disebut dan dikemukakan sebagai Kepala Bekalan dan Kepala Pembangunan B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, P. 8 dan P. 10.

Tuan Pengerusi, saya akan memulakan perbincangan saya peringkat ini di bawah Kepala B. 4 Suruhanjaya Pilihanraya iaitu di bawah Pecahan-kepala 1100, 1200 seterusnya sampai kepada 2300 muka surat 38-40. Sebelum saya pergi jauh, saya ingin menyatakan bahawa tujuan utama Suruhanjaya Pilihanraya ialah untuk menegakkan pemerintahan secara demokrasi dan memastikan bahawa tiap-tiap seorang rakyat diberi

kemudahan mendaftar dan mengundi. Ia juga akan memastikan tiap-tiap seorang rakyat yang berhak tidak menyalahgunakan hak mereka dengan mendaftar atau mengundi lebih daripada sekali. Oleh yang demikian, kita tahu dan sedar bahawa Suruhanjaya itu mengambil tindakannya secara besar-besaran bagi membersihkan daftar pemilih dengan memotong nama-nama pemilih yang berganda, memotong nama-nama pemilih yang telah mati, memotong pemilih yang telah hilang kelayakan mengundi kerana kelucutan kerakyatan, kerana penyerahan kerakyatan atau sebab-sebab yang lain.

Tuan Pengerusi, pada awal tahun 1974 sebanyak 389,000 nama berganda telah dipotong dan ini akan menjaminkan bilangan orang yang keluar mengundi bertambah atas kadar lebih daripada 10%.

Satu lagi perkara yang membebaskan badan ini iaitu sebelum menjelang pilihanraya 1974 baru-baru ini kerja-kerja mempersempadankan semula bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri telah dilakukan. Ini berikutan dengan lulusnya undang-undang meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan dan penubuhan Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, ini perlu dibuat dan dilakukan dengan sungguh-sungguh dan dibuat dengan penuh tanggungjawab, penuh tenaga dan masa oleh kakitangan Suruhanjaya itu. Kita percaya kalau kita bersama dengan pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya dalam saat itu kita tentulah dapat mengakui kesungguhan, kesulitan dan kepenatan mereka bekerja. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Suruhanjaya ini lebih-lebih lagi Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjayanya yang telah berjaya menyiapkan semua kelengkapan pilihanraya terutamanya menyiapkan Buku Daftar Pemilih sehingga dapat dipergunakan dalam masa pilihanraya 8hb Ogos, 1974 yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya juga sama dengan rakan-rakan saya di dalam Dewan ini yang telah bangun bersungut dan telah menegur Kerajaan mengenai kesilapan, kelambatan dan setengahnya mengesyorkan, mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya mengkaji semula cara-cara mendaftar pengundi-pengundi agar tidak lagi berlaku kekecohan. Kekecohan ini khususnya "*keciciran pengundi*" samada disebabkan oleh beban kerja yang terlampau banyak atau penyusunan

kerja yang kurang teratur atau kekurangan kakitangan yang berpengalaman dan jujur, tidaklah dapat ditentukan. Saya tidak hendak menuduh banyak kerja-kerja yang telah dijalankan dan dilakukan oleh pegawai dan kakitangan Suruhanjaya ini sebagaimana yang dituduh oleh setengah Parti Pembangkang di dalam Dewan ini. Ini mungkin adanya sedikit benar berlaku di tempatnya, dan tidak berlaku semuanya di kawasan saya. Tuan Pengerusi, di kawasan saya ada juga berlaku keciciran nama pengundi. Sebagai contohnya di sebuah kampung yang berhampiran dengan tempat saya tinggal semua 75 orang pengundi yang sebelum pilihanraya 8hb Ogos, 1974 lalu boleh mengundi beberapa kali sudah tidak dapat mengundi lagi, kerana tidak ada namanya dalam Buku Daftar Pengundi, manakala 5 orang pengundi baru ada namanya dalam Buku Daftar Pengundi dan mereka itu sahaja yang boleh mengundi. Saya dan pembantu-pembantu saya dalam Barisan Nasional cuba berusaha mencari di manakah perginya nama 75 orang itu walaupun kesedaran ini berlaku dua hari sebelum mengundi iaitu dalam masa pekerja-pekerja pilihanraya saya membahagi serial number dan Code Number nama-nama pengundi, maka seorang sahaja daripada pengundi itu dapat dikesan iaitu namanya terdapat di suatu peti undi yang lain, manakala yang bakinya tidak dapat dikesan.

Tuan Pengerusi, ada juga berlaku, nama pengundi di dalam Buku Daftar Pengundi yang dipegang oleh pekerja-pekerja Pilihanraya saya tidak ada nama itu di dalam buku yang dipegang oleh kerani tempat mengundi. Ini juga patut dikaji oleh Suruhanjaya ini.

Tuan Pengerusi, adalah benar bahawa perasaan hampa di kalangan rakyat kerana tidak dapat mengundi dalam pilihanraya baru-baru ini nyata dan jelas sekali. Sekumpulan pengundi-pengundi di tempat saya mungkin kerana panas dan penat, meminta pilihanraya itu dibatalkan sahaja dan berbagai pengesyoran lagi. Saya menganggarkan pengundi yang tercicir di kawasan saya hampir 1,000 orang banyaknya daripada jumlah pengundi 32,252 orang. Bagi rakyat atau pengundi-pengundi dalam kawasan saya tidak begitu cergas untuk membuat bantahan kepada Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya mengatakan nama-nama mereka jatuh atau tidak dimasukkan dalam Buku Daftar Pengundi, sewaktu Suruhanjaya itu memberi peluang kepada orang-orang yang

tidak bernasib baik itu membuat bantahan. Ini benarlah pada suatu ketika dahulu pihak Suruhanjaya Pilihanraya kurang menerima laporan atau bantahan dari orang-orang perseorang walaupun Suruhanjaya melanjutkan tempoh ini sekalipun, ia tidak juga seratus-peratus menerima bantahan itu. Saya suka mengingatkan sekiranya bantahan yang disampaikan itu satu, hendaklah disifatkan tiga bantahan, kalau 100,000 bantahan itu sampai, maka bolehlah disifatkan 300,000 banyaknya.

Tuan Pengerusi pada tahun 1974 sebagaimana kita semua tahu bilangan pemilih yang ada dalam Buku Daftar ialah seramai 4 juta orang yang menerusi ataupun mengikut satu penyelidikan yang telah dibuat pada awal tahun 1974 didapati lebih daripada 15% lagi bakal-bakal pemilih yang belum didaftarkan. Ini bererti 600,000 orang yang masih boleh didaftarkan lagi. Saya mengharapkan pihak Suruhanjaya Pilihanraya dengan kebijaksanaan dan kecekapannya dengan panduan-panduan dan teguran yang membina yang dibuat di dalam Dewan ini, maka usaha yang berlipat-ganda, usaha yang jujur dan ikhlas hendaklah dilaksanakan semuga pengundi-pengundi yang keciciran itu dapat didaftarkan kembali, bakal-bakal pemilih yang belum didaftarkan seramai lebih daripada 600,000 orang itu didaftarkan dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, sekarang saya bercakap mengenai Kepala B. 4 lagi di bawah Pecahan-kepala 2600 dan 2700—Perkhidmatan Pencetakan dan Bekalan-bekalan Bahan, Kertas undi dan pensil memangkah termasuk juga pengurangan kerani mengundi. Ramai orang termasuk juga saya sendiri bercakap mengenai pengundi-pengundi tercicir, sistem pendaftaran yang tidak praktikal dan sebagainya. Sebenarnya, ada satu perkara penting yang ada di hadapan kita sekarang tetapi belum diperdengarkan lagi dalam Dewan ini. Perkara ini biarlah saya menimbulkannya.

Perkara yang saya menganggap penting ini, Tuan Pengerusi, ialah masalaah undi rosak. Kita sama-sama telah melupai kepada sungguh banyak kertas-kertas undi di dalam mana-mana pilihanraya yang rosak. Kalau undi rosak ini dapat dicegahkan maka kita telah dapat menambah undi yang boleh diperhitungkan sebanyak lebih daripada 100,000 undi di Semenanjung Malaysia. Perkara ini janganlah kita abaikan begitu

sahaja kerana ia adalah satu perkara yang penting. Kita sudah banyak pengalaman di dalam mana-mana pilihanraya, kadang-kadang kita merasa kesal mengapakah maka pengundi-pengundi dalam negara ini masih lagi tidak dapat mengundi dengan betul. Kita kerap kali terdapat jumlah "undi rosak" yang lebih banyak daripada kelebihan undi yang didapati oleh seorang calon yang menang dalam satu-satu pilihanraya.

Contohnya, di dalam Pilihanraya Umum, 1969 di kawasan Dewan Undangan Negeri, "Kuala Kelantan," Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tumpat sekarang ditewaskan oleh seorang calon dengan kelebihan 11 undi sahaja berbanding dengan undi rosak lebih daripada 300 undi. Demikian juga seorang calon lain telah ditewaskan oleh Menteri Besar Perlis dalam Pilihanraya, 1969 di kawasan Sanglang (Perlis) sebanyak 5 undi sahaja berbanding dengan beratus-ratus undi yang telah rosak.

Tuan Pengerusi, dalam Pilihanraya Umum, 1974 yang baharu lalu banyak kita dapati undi-undi yang rosak. Ini tidaklah kerana simbol-simbol yang baru seperti "Dacing" telah diperkenalkan di samping simbol-simbol yang lain juga muncul dan dimansuhkan. Saya bukan hendak memperkatakan semua sebab-sebab undi rosak itu di sini berlaku, saya merasa kesal menengok kepada begitu banyak orang-orang yang tidak dapat memangkah kertas undi.

Lihat contoh di Kelantan, Tuan Pengerusi. Undi rosak di Kelantan dalam Pilihanraya Umum pada 8-8-1974 baharu ini ditolak 4 kawasan pilihanraya Parlimen kerana menang tanpa tanding iaitu Ulu Kelantan, Kota Bharu, Tanah Merah dan Bachok maka masih tinggal lagi ialah 8 kawasan.

<i>Kawasan</i>	<i>Keluar Mengundi</i>	<i>Undi Rosak</i>
Kuala Krai	79.1%	807
Machang	81.8%	796
Nilam Puri	74.53%	1,116
Pasir Mas	69.9%	1,047
Pasir Puteh	75.44%	688
Pengkalan Chepa ...	70.77%	1,353
Rantau Panjang ...	72.17%	2,814
Tumpat	72.51%	1,036

Jadi bagi 8 kawasan pilihanraya Parlimen di Kelantan yang dipertandingkan sebanyak 9,657 undi yang rosak. Ini adalah satu

jumlah yang agak besar, bolehlah dipukul rata 1,000 keping undi rosak dalam satu kawasan pilihanraya. Kalau kita kira seluruh Semenanjung Malaysia yang kawasannya sekarang mempunyai 114 kawasan maka akan berjumlah 114,000 undi rosak dan bakinya di Malaysia Timur bagi 40 kawasan (16 di Sabah dan 24 di Sarawak) berjumlah 40,000 kalau sekiranya keadaan sama dengan di Malaysia Barat ataupun di Semenanjung Malaysia.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada undi rosak yang lebih daripada 1,400 undi. Dalam Malaysia kita dapati ada 15 kawasan semua sekali yang terlibat: iaitu Arau 1,512, Sungai Petani 1,489, Kuala Trengganu 1,585, Nibong Tebal sahaja 2,623 undi rosak. Bagan Datok 1,708, Parit Buntar 1,413, Temerloh 1,440, Kuala Selangor 1,615, Shah Alam 1,508, Jelevu 1,596, Seremban 1,751, Batu Berendam 1,434, Jasin 1,924, Kulai 1,496 dan Rengam 1,535. Ini adalah sebagai contoh betapa banyaknya undi yang rosak dalam pilihanraya kita baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, saya suka menyebut dua-tiga perkara sahaja sebab-sebab undi itu rosak, iaitu:

- (i) Kertas undi itu tidak ada kesan langsung samada pensil atau kalam. Ertinya pangkahan tidak berkesan, tidak berbekas, tidak terang.
- (ii) Kertas undi itu dipangkah meliputi 2-3 atau lebih sebanyak mana simbol yang ada di kertas undi. Ini mungkin dilakukan oleh pengundi yang tak faham dan juga pengundi yang pandai tetapi khianat. Kesemua calon-calon yang bertanding itu dia tak mahu pilih.
- (iii) Pangkahannya di belakang kertas undi kerana dia tidak ketahui di mana tempat yang sepatutnya dipangkah. Ini berlaku pada orang-orang tua dan orang-orang di luar bandar, dan berbagai-bagai lagi.

Tuan Pengerusi, kertas undi yang pertama disebabkan oleh hujung pensil yang digunakan sudah patah samada disebabkan oleh pengundi yang terdahulu ataupun pengundi itu sendiri. Pengundi seumpama ini biasanya dari luar bandar yang jarang-jarang atau belum pernah memegang atau mengenankan pensil pada sebarang kertas walaupun anak mereka ada bersekolah. Mereka tidak mengetahui sekuat mana tekanan yang patut dilakukan, baru pangkahannya itu nyata.

Orang-orang ini segan dan takut pula hendak memberitahu Pegawai Pengurus atau P.O. di tempat mengundi itu, walaupun kita tahu banyak pensil-pensil yang disediakan dan ada pula pengawasan dari pihak P.O., ini tidak lepas daripada berlaku.

Tuan Pengerusi, saya tidak hendak mengulas tentang perkara (ii) dan (iii) dan saya suka meminta dan mengesyorkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya berikhtiar mencari jalan untuk mengelakkan sekurang-kurangnya untuk mengurangkan daripada berlakunya undi rosak itu dengan banyaknya. Mungkin pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengatakan ini terpulanglah kepada kegiatan atau aktiviti-aktiviti parti-parti politik. Ini mungkin benar juga.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*).

Tuan Pengerusi, saya mempunyai satu pandangan untuk dijadikan bahan kajian Suruhanjaya Pilihanraya. Saya suka mengesyorkan supaya pihak Suruhanjaya mengkaji semula sistem mengundi dengan cara memangkah kertas undi kepada memilih atau mengoyakkan kertas undi yang mengandungi simbol yang disukainya, kemudian memasukkan kepingan-kepingan kertas yang mengandungi simbol yang tertentu itu ke dalam peti undi mengikut simbol yang tertulis di peti undi itu. Cara ini dapat mengelakkan daripada berlakunya undi rosak. Semua peti-peti undi mengikut parti yang bertanding itu disediakan di dalam sebuah bilik yang dijagai rapi oleh P.O. Cara ini walaupun banyak mengeluarkan perbelanjaan kerana menambahkan perbelanjaan bagi membeli peti-peti undi tetapi dapat mengurangkan bahagian-bahagian lain seperti bilangan kerani dan alat-alat lain serta guna mempercepatkan proses perhitungan undi yang diperolehi oleh seseorang calon itu sebab ia tidak payah lagi diasing-asingkan kerana sudah diasing-asingkan oleh pengundi sendiri cuma mengumpulkan sahaja.

Tuan Pengerusi, akhirnya dalam Kepala B. 4 ini juga saya mengesyorkan supaya pencadang, penyokong-penyokong serta saksi kepada seseorang calon di dalam Kertas Penamaan Calonnya hendaklah hadir dan menandatangani di hadapan Pegawai Pilihanraya. Mengikut peraturan sekarang, seseorang calon atau wakil calon itu dibolehkan menyerahkan Kertas Penamaan Calon yang sudah dipenuhkan. Pengesyoran ini dibuat adalah

untuk mengelakkan penipuan tandatangan oleh pencadang, penyokong-penyokong dan saksi-saksi kepada seseorang calon yang terpaksa menarik serta-merta penyokong-penyokong dengan tergopoh-gapah kerana dengan cara tergempar hendak menjadi calon.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja saya menyentuh dalam Kepala Bekalan 4, dan sedikit lagi saya suka menyentuh Kepala Bekalan 8—Jabatan Perdana Menteri Pecahan-kepala 4100 (8), Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Saya meminta supaya Pegawai Serantau yang ada pada hari ini, kalau tidak silap saya, seluruh Semenanjung Malaysia ada seramai 22 orang itu hendaklah ditambah sekali ganda banyaknya lagi menjadikan 44 orang semuanya, kerana 2 orang sebuah negeri itu tentu sekali tidak dapat menjalankan kegiatannya dengan sempurna. Bila ditambah seramai 22 orang lagi, saya percaya kerja-kerja dan tujuan Tabung Haji akan terlaksana.

Itulah sahaja dan saya ucapkan terima kasih.

4.01 ptg.

Datuk Albert Mah (Bukit Bendera): Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan ialah Kepala Bekalan 10—Jumlah belanjawan bagi Jabatan Kehakiman ialah \$11,553,340.

Di dalam Anggaran Belanjawan bagi tahun 1975 di muka surat 18, 19, 20 dan 21 ada data-data kes yang didaftarkan bagi tahun 1973, 1974 dan 1975, di dalam Mahkamah-mahkamah Tinggi, Mahkamah-mahkamah Sesyen dan Mahkamah-mahkamah Rendah.

Kes-kes yang didaftarkan yang saya telah periksa ialah data-data bagi Semenanjung Malaysia sahaja. Dengan ini saya mahu membacakan data-data daripada muka surat 18, 19, 20 dan 21.

Di dalam Mahkamah-mahkamah Tinggi, jenayah-jenayah yang sebenar tahun 1973 dan dibawa ke hadapan dari tahun dahulu iaitu tahun 1972 ada 95 kes dan anggaran tahun 1974 jenayah itu sudah naik 43.16% iaitu sebanyak 231 kes, dan tahun hadapan iaitu tahun 1975 jenayah dianggarkan naik 104% iaitu menjadi 289 kes.

Di Mahkamah-mahkamah Sesyen, jenayah-jenayah tahun 1973 ialah 1,004 kes dan juga anggaran bagi tahun 1974, 1,328 kes iaitu saya percaya akan naik 32%, dan anggaran pada tahun 1975 akan menjadi 1,736.

Berkenaan dengan Mahkamah-mahkamah Rendah bagi tahun 1973 ada 27,404 kes, pada tahun 1974 ialah 36,056 kes dan bagi tahun 1975 dianggarkan 44,247 kes.

Dengan ini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, from the figures that I have just read one can see that there has been a tremendous increase in crime rates throughout Semenanjung Malaysia, yet we have been told in this House that there has been no increase in crime. I am in a dilemma what to believe.

Let us look at the figures of cases that have been registered in the High Courts, Sessions Courts and the Lower Courts for the coming year of 1975. This could be found in pages 19, 20 and 21 of this book. In the High Courts they have registered for 518 cases, in the Sessions Courts 4,549 cases and in the Lower Courts 86,747 cases. A total of 91,814 cases have been registered for trial in 1975. This would mean that there must be an accused person in each case. So 91,814 persons would be tried in the three categories of courts, i.e. High Courts, Sessions Courts and Lower Courts. In all trials witnesses must be produced to give evidence. Let us assume that we need an average of five witnesses in each case. This would mean that $91,814 \times 5$ and this would give us a total of 459,070 persons being involved in giving evidence. This figure amounts to nearly half a million people. We must also take into consideration the Courts' staff, the Police and the prison personnel who are required to guard and transport the prisoners. In addition there is the loss of man hours of work by the witnesses who have to attend court. Let us assume it would take an average of two days of eight hours hearing for each case. If we were to multiply the figure of 459,070 persons by 16, it gives us an astronomical figure of man hours lost in the administration of justice. From the above workings of this, it could be seen that it is a very expensive business. Apart from these wastages, we must also take into consideration the mental anxiety of the witnesses waiting to be called and their agony of being subjected to cross-examination by the Prosecution and the Defence. It is unfair to the accused person having to wait for a long time to have his case heard. The relatives of the accused

person too would have to wait anxiously to find out when the accused will be eventually a free person again.

I would like to bring to the attention of this House that the expenditure of \$11,533,340 earmarked for the administration of justice is a very small sum compared with the work and the personnel involved. There have been long delays in getting trials brought to court and this is causing a lot of inconvenience to a lot of people. Unless Courts are able to deal with the cases speedily, I am afraid the time will come when very few people will be prepared to testify in court, with the result that there will be no justice. If people have to wait for a long time to have their cases heard, the evidence that they would have of the incident will be forgotten, and when they are subjected to cross-examination in Court, they would be unable to testify with the result that frustration would be created; and in the long run the people would be too scared to give evidence and even if they see any crime committed anywhere, they would pretend not to have seen it. I would appeal to the Government to consider seriously allocating a larger sum of money, so that the judicial services could be enlarged with the setting up of more Courts, so that this backlog of cases could be cleared expeditiously as justice delayed is justice denied.

Consideration should be given by the Ministry of Law to create a Department within the Ministry to evaluate the human reaction to the sentences imposed on the accused by the various Courts. Sentences are passed by the Courts, but there is no Department or Unit or body to evaluate whether the sentence passed on the accused person will make him a changed man so that he can conform to the needs of society. I make this call for the creation of this Unit because the administration of justice is a serious matter. Judges and Magistrates must be provided with as much data on an accused person as possible so that the sentence imposed will bring about the change in the man, to conform with the norms of our society.

I would now like to touch on Head B. 9 on the question of pensions. On numerous occasions in this House, it has been promised that pensioners will be able to receive their pensions in time. In my own constituency, there are 15 pensioners who have written to me requesting that their pensions

should be speeded up. I have written to the Pensions Department giving details of the pensioners—their names and their reference numbers—but up-to-date, I have yet to receive a reply. If, as a Member of Parliament who represents the people, I am unable to obtain a simple reply from the Pensions Department, I find it hard to explain to the people. If we were to have some efficiency, I think the reply should come from the Department promptly, especially so in the case of men who have served the Government many years, otherwise they will feel neglected. Pensions do not arise all of a sudden. A man who intends to retire has to give notice of his retirement months ahead. If there is efficiency in the Pensions Department, the pension papers could have been prepared long ago. In my own case, it took nearly a year before I got my pension and this too was made possible only after I personally saw somebody in the Department.

I think the question of efficiency in Government Departments is very important. We pay a huge sum for the services. But the manner in which the pensioners are treated is regrettable, in that they do not receive their pensions in time. Unless some speedy action is taken, I am afraid the trust of the people in Government services will no longer be there.

4.13 pgt.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, Kepala B. 1, Pecahan-kepala 2800, muka surat 32, Parlimen—Pelbagai Perkhidmatan, suka saya mencadangkan bahawa kawalan keselamatan Parlimen ini diperkuatkan lagi. Kawasan Parlimen ini pada pendapat saya perlu dipagar sebagaimana pejabat-pejabat dan Kementerian-kementerian yang penting di Ibu Kota. Saya difahamkan bahawa pada masa yang lalu dua kejadian membunuh diri, iaitu terjun dari tingkat 17 bangunan tinggi Parlimen, tetapi mujurlah satu kejadian yang terkemudian dapat diselamatkan sebelum orang yang berkenaan terjun ke bawah.

Selain daripada itu pula, saya difahamkan bahawa berlakunya beberapa kejadian jenayah, iaitu kecurian harta-benda di dalam bangunan Parlimen dan juga kecurian kenderaan di luar bangunan ini. Saya bimbang

sekiranya kawasan Parlimen ini tidak dipagar, tidak dikawal dengan ketat tidak mustahil pula di satu masa kelak nanti anasir-anasir jahat atau pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab terhadap negara ini akan dapat meletakkan bom jangka di dalam Dewan ini. Mudah-mudahan perkara seperti ini tidak berlaku hendaknya, tetapi kita masih ingat satu kejadian di Parlimen British sebagaimana telah terjadi, iaitu satu letupan terhadap Parlimen di sana, tetapi sebelum berlaku kepada Parlimen kita hendaklah sesuatu tindakan diambil.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh Parlimen di bawah Kepala yang sama—B. 1, Pecahan-kepala 2800, berkenaan dengan Surau Parlimen. Surau ini adalah diketahui bahawa bila kita ke sana kita dengar satu gangguan bunyi atau berdentung. Tempat ibadat sepatutnya dikehendaki suasana yang tenteram dan sunyi. Diharap janganlah kita menunggu Budget Tahun 1975. Kalau ada wang itu baiklah kita baiki sebelum menjelang tahun 1975.

Berkenaan dengan surau juga adalah baik jika sekiranya dapat dilantik imam dan bilal supaya apabila tiba waktu sembahyang ketika Dewan ini bersidang, kita bolehlah berhenti dan sembahyang berjemaah. Selain daripada itu, mungkin dapat kita tugaskan imam tersebut membacakan doa sebelum mesyuarat Parlimen.

Berkenaan dengan doa sebelum mesyuarat, kita dengar bersama-sama bahawa doa ini apabila dikaji tidak ada menyebut nama Allah, tetapi ada menyebutkan nama Tuhan sahaja. Nama Tuhan ini adalah umum dan selawatnya pula tidak menyebutkan nama Nabi Muhammad salallahu alaihi wasallam.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh B. 8, Pecahan-kepala 2600, muka surat 56—Majlis Halehwal Kebangsaan Ugama Islam, Bahagian Percetakan. Saya ingin mencadangkan supaya Jabatan ini menterjemahkan buku-buku karangan ulama-ulama yang terkenal supaya dapat dibaca oleh penganut-penganut ugama kita dengan lebih mendalam lagi.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 8, Pecahan-kepala 4100—Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Saya ingin memberikan pandangan, iaitu Jabatan ini patutlah berbeza sedikit daripada Jabatan-jabatan lain. Ini adalah Jabatan yang berkaitan dengan ugama yang mana patut mencerminkan syiar Islam.

Pegawai-pegawai dan kakitangan perempuan patutlah berpakaian yang sopan mengikut ajaran ugama Islam, kerana apabila kita pandang pada hari ini sama sahaja dengan pejabat-pejabat lain, tidak ada perbezaannya.

Tuan Pengerusi, Kepala P. 8, Pecahan-kepala (1), Butiran No. 11, muka surat 61—Bangunan Sekretariat, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam. Saya mengucapkan tahniah kerana Bangunan Sekretariat ini nampaknya cantik dan baik. Tetapi janganlah kita mementingkan bangunan sahaja. Kita perlu lebih dari itu, membangun jiwa manusia-manusia di tanahair kita khususnya umat Islam. Kita tidak mahu adanya pihak-pihak pendakwah di sini hanya pandai mencaci satu pihak apabila mereka meninggalkan Ibu Kota dan pergi ke tempat-tempat lain. Kita mahu supaya Instituit Dakwah di bawah Jabatan ini benar-benar menjalankan dakwah berdasarkan peribadi dan ajaran-ajaran yang baik, tetapi peribadi yang baik dari pegawai-pegawai amatlah penting sekali untuk kejayaan dakwah. Sekiranya tiada perbelanjaan yang banyak untuk Bangunan Sekretariat ini tidak bererti langsung dan sia-sia sahaja.

4.20 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap berkenaan dengan Kepala B. 4 berkaitan dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Perkara ini telah kita dengar bermacam-macam di dalam Dewan ini yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi saya menumpukan kepada keciciran pengundi-pengundi sebab-sebabnya maka berlakunya demikian.

Suka saya memberikan pandangan dan pendapat saya pada Suruhanjaya Pilihanraya iaitu pekerja-pekerja ataupun pegawai-pegawai yang pergi membanci dan menjalankan pendaftaran pengundi ini hendaklah benar-benar dipilih orang-orang yang mahu bertugas dan diberikan kursus yang jelas dan yang betul, supaya kerja-kerja itu dijalankan mengikut kehendak-kehendak dan syarat-syarat bagi Suruhanjaya Pilihanraya. Yang sudah-sudah ini didapati cuma macam mengambil 'bidan terjun' sahaja.

Bagi Pegawai-pegawai Daerah sebagai Returning Officer dia mengarahkan kepada penghulu-penghulu yang kadang-kadang

dalam masa yang singkat dan gopoh-gapah. Penghulu cuma memandang yang dekat kepadanya dan mendaftarkan mereka itu sebagai pegawai yang menjalankan pendaftaran pengundi-pengundi ini. Jadi dengan keadaan begitu, sudah barang tentu perkara yang begitu bertanggungjawab telah terjadi sebagai keadaan yang kita tidak ingini pada hari ini, iaitu banyak kita dapati keciciran pengundi-pengundi. Pada saya banyak perkara yang patut difikirkan tentang masalah pekerja-pekerja yang menjalankan bancian undi ini, hendaklah bahawa, saya tegaskan lagi iaitu dipilih orang yang benar-benar boleh kita harapkan dan boleh bertanggungjawab atas perkara ini.

Yang keduanya, berkenaan dengan Kepala B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Pada hari ini banyak Jabatan-jabatan bersungut dengan ketiadaan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja. Tempat-tempat yang kosong masih lewat diisikan, barangkali Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini banyak tanggungjawabnya, tetapi pada saya masalah ini dapat diselesaikan kalau cara pentadbirannya dapat diperbaiki dan diperkembangkan lagi. Pada masa ini Suruhanjaya Perkhidmatan Awam monopoli kesemua kerja-kerja temuduga sehingga kepada buruh-buruh kasar dan pekerja-pekerja yang rendah ditemuduga oleh mereka sendiri. Kalau pekerja-pekerja kecil ini seperti buruh kasar atau pegawai-pegawai rendah diserahkan kepada Head of Departments untuk membuat pilihan dengan disahkan oleh mereka, saya rasa ini boleh dapat mengurangkan bebanan mereka dan dapat mengisikan vacancies yang ada itu dengan segera, tidaklah tertunggu-tunggu mengikut kehendak Suruhanjaya itu dari masa ke-masa.

Dengan kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan maka menyebabkan kemajuan pembangunan terjejas dan tidak dapat dimajukan mengikut waktu dan masanya yang ditentukan, dan didapati satu-satu Jabatan juga sudah terpaksa longgokkan kerja itu pada satu-satu pegawai kerana pegawai-pegawai yang tertentu menjalankan kerja itu tidak ada, ini mendatangkan frustration kepada pegawai-pegawai yang menjalankan kerja itu. Di samping itu, perkara menaikkan pangkat juga menjadi satu masalah pada hari ini, yang mana ini pun ditangguh-tangguhkan dan kadangkala tidak difikirkan mengikut keadaan yang

semestinya. Pada keseluruhannya Ketua-ketua Jabatan tidak diajak bersama untuk menyelesaikan masalah vacancies ini. Saya menyeru sekali lagi agar Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini hendaklah membuat kajian semula dan melicinkan pentadbirannya supaya pegawai-pegawai yang patut digantikan untuk jawatan-jawatan yang kosong itu dapat diisikan dan pembangunan dapat dijalankan dengan begitu baiknya.

Yang ketiganya, suka saya menyentuh berkenaan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Kita faham bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini menjalankan urusan yang baik dan banyak kerja-kerjanya mengikut kehendak-kehendak orang ramai, tetapi namun begitu kita fikirkan tidaklah rasanya begitu payah lagi bagi orang-orang yang hendak pergi menunaikan fardhu haji dengan tidak dapat tempat. Saya menyeru kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini supaya menambah lagi pelayaran samada penerbangan udara ataupun pelayaran laut supaya mudah dan tidak tergendala orang ramai yang hendak ke Mekah itu. Kerana orang-orang Melayu ini selain daripada mengikut kewajipan ugamanya, sudah menjadi tradisi dan satu amalan kalau dia sudah hendak pergi tidak boleh ditahan-tahan lagi. Di tempat saya beratus-ratus orang bahkan sudah meningkat ribu yang berasa kesal kerana tidak dapat menunaikan fardhu haji pada tahun ini, tetapi ini bagi kali yang pertama telah dapatlah disabarkan. Masalah ini tidak nampak apa sebabnya maka boleh tergendala, penerbangan dan pelayaran boleh dibuat seberapa banyak sekiranya penempahan dapat difikirkan lebih awal daripada yang sudah-sudah. Saya telah bertanya kepada Pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji mengapa berlaku keadaan sedemikian? Mengikut kebiasaannya juga dan pada ramalan bahawa bakal-bakal haji ini tidak pada tahun disangka akan begitu banyak kerana adanya inflasi dan stagflasi. Dalam Tabung Haji banyak orang sudah menyimpan wang pendahuluan untuk pergi menunaikan fardhu haji, maka mereka keciwa tidak dapat menunaikan fardhu haji pada tahun ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan BSN yang banyak diperkatakan di dalam Dewan ini untuk mengatasi dan mencegah corruption. Pada hari ini kita ada BSN di peringkat Federal dan peringkat Negeri. Pada faham saya ada baiknya BSN ini diperluaskan iaitu membuka pejabatnya di daerah-daerah.

Dengan adanya Pejabat BSN di daerah maka ada kemungkinan ianya dapat mencegah usaha-usaha atau kerja-kerja corruption dalam daerah itu. Orang ramai boleh serta-merta melaporkan kepada BSN dan dengan segera dapat mengenal dan mengetahui keadaan daerah itu. Tetapi kepada BSN pula, suka saya mengatakan, iaitu janganlah mereka membuat siasatan seperti yang sudah-sudah mengikut cara militan iaitu secara kasar. Ada baiknya mengubah cara penyiasatan sesuatu kes itu dengan cara halus supaya dapat kerjasama dan sumbangan daripada orang ramai. Kalau ditakutkan, ada kemungkinan orang ramai tidak mahu bekerjasama memberikan laporan dan apa-apa usaha untuk menjalankan siasatan itu.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini dtempohkan selama 20 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

4.50 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu ingin menyampaikan perasaan kesal saya terhadap Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang sentiasa pada pandangan saya mencari peluang dan mengambil kesempatan untuk mengkritik dan mengungkit-ungkit di atas agensi-agensi yang bertujuan hendak menolong bumiputra khususnya orang-orang Melayu. Mengapa pula dipilih PERNAS untuk memberi segala kecemasan, padahal banyak lagi projek-projek yang dibuat memberi faedah dan keuntungan kepada masyarakat lain selain daripada masyarakat bumiputra khususnya masyarakat Melayu. Misalnya lebih daripada \$200,000,000 telah dan akan dibelanjakan untuk menjadikan Urban Centre di Pulau Pinang. Padahal Urban Centre ini, pada fikiran saya memberi faedah kepada masyarakat dalam bandar

iaitu masyarakat yang bukan daripada kaum bumiputra. Jadi hairan benarlah saya mengapa Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu selalu mengungkit-ungkitkan hal ini. Mungkin sebab indolence ataupun insolence.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh sedikit Kepala B.10 Bahagian Kehakiman. Saya telah menyemak angka-angka yang telah dikeluarkan dan saya dapati pada tahun 1975 kes-kes civil dan jenayah di Mahkamah Mejisteret dianggarkan lebih kurang 111,214 buah dan jumlah Mejisteret iaitu 47 orang. Jadi kalau dihitung panjang ini bermakna seorang Mejisteret terpaksa menyelesaikan 2,300 kes-kes jenayah dan civil dalam satu tahun. Ini ialah satu tugas yang cukup berat dan pada pengalaman saya tidak mungkin dapat dilaksanakan. Selain daripada itu jumlah Mahkamah iaitu Mahkamah Mejisteret ialah 93 buah dan jumlah Mejisteret 47 orang. Ini bermakna seorang Mejisteret sekurang-kurangnya lebih kurang puklura terpaksa bertugas di dua Mahkamah. Tetapi yang lazimnya ada juga dipanggil Mejisteret Litar iaitu dalam bahasa Inggerisnya Circuit Magistrate dan Circuit Magistrate ini kadang-kadang sehingga empat ataupun lima Mahkamah hendak dijaga.

Berkenaan dengan Jurubahasa, sekarang mengikut yang diberi oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, sekarang ini ada 208 orang dan 32 kekosongan. Ini bermakna telah kurang 1/8 daripada estimate ataupun establishment dan kerja-kerja Mejisteret selain daripada menjalankan tugas kehakiman, Mejisteret juga menjadi Pegawai Ketua Pentadbir di Mahkamahnya dan selain daripada itu banyak perkara lagi yang dikehendaki dijalankan daripada segi kewangan dan sebagainya. Begitu juga Jurubahasa. Selain daripada menjadi Jurubahasa, Jurubahasa juga menjadi Kerani Kewangan, Jurubahasa juga menjadi Chief Clerk, Jurubahasa juga menjadi Summons Clerk, Jurubahasa juga menjadi Record Clerk dan Jurubahasa juga menjadi Court Clerk. Pendeknya kedua-dua mereka ini iaitu Mejisteret dan Jurubahasa dikehendaki menjalankan tugas yang tidak boleh dibandingkan dengan lain-lain pegawai Kerajaan yang berkelulusan sama. Mereka ini dikehendaki menjadi Jack of all trades, master of all, dan bukan master of none. Jadi kalau hendak dikira gaji berdasarkan kepada kelulusan, ini satu sikap yang pada fikiran saya tidak wajar. Gaji yang diberi mestilah

berdasarkan kepada tugas yang dijalankan oleh kedua-dua pegawai Kerajaan ini.

Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara telah memberi keterangan iaitu sekarang ada lebihkurang sembilan kekurangan Mejisteret. Ini bermakna 1/6 dan ini bukanlah satu perkara yang kecil, tetapi satu perkara yang besar yang pada fikiran saya Kerajaan mesti mengambil sikap yang serious kepada 1/6 daripada yang dikehendaki dan berkait dengan Jurubahasa 1/8 kekurangan. Oleh sebab hendak mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mengambil pegawai-pegawai Kerajaan yang telah berpenempatan untuk menjalankan tugas kehakiman dan ini telah menimbulkan satu kepincangan. Saya telah diberitahu bahawa mereka ini yang tidak ada mempunyai kelulusan undang-undang untuk menjalankan tugas kehakiman ada kalanya diberi gaji yang lebih daripada mereka yang ada kelulusan untuk menjalankan tugas kehakiman.

Baru-baru ini kita telah mendengar dalam surat khabar berkenaan dengan Double Samy affair. Dalam kejadian ini, saya tidak tahu siapa yang silap dan kita tidak boleh menuduh siapa-siapa, mungkin Mejisteret yang berkenaan itu yang silap, mungkin keadaan suasana tempat kehakiman dijalankan. Inilah pada fikiran saya jikalau Kerajaan atau Menteri yang berkenaan tidak mengambil sikap yang serious, perkara ini akan berlaku lagi dan tidak memadai pada Mahkamah Tinggi memberitahu kepada orang yang berkenaan iaitu Samy yang mabuk, I am sorry—saya minta maaf. Pada fikiran saya ini tidak cukup. Sebab kebebasan seseorang telah terlibat dan dalam negara yang mengamalkan the supremacy of the Rule of Law, pada fikiran saya, ini satu perkara yang amat mendukacitakan. Saya telah meninjau dalam buku ini dan mendapati tujuan-tujuan Jabatan Kehakiman, iaitu tiga. Pada fikiran saya satu lagi tujuan patut dimasukkan iaitu Revenue-earning Agency. Sebab kalau dihitung panjang angka-angka ini, saya dapati revenue yang dikutip hasil daripada tugas-tugas kehakiman ialah \$11,195,500, walhal perbelanjaan termasuk elaun, tambahan gaji dan sebagainya cuma \$8,012,780. Ini bermakna Revenue-earning Agency ini masih ada baki sebanyak \$3,182,720. Kalaulah dalam peruntukan perbelanjaan pada tahun 1975 cuma setakat yang disebutkan, pada fikiran saya ini satu perkara yang cukup tidak lojik daripada segi pembangunan.

Tuan Pengerusi, dukacita benarlah yang Dewan Keadilan ataupun Hall of Justice yang diura-ura baru-baru ini telah mendapat second priority iaitu diketepikan, cuma peruntukan \$10 nominal. Pada hal Hall of Justice ataupun Dewan Keadilan inilah yang melambangkan kedaulatan undang-undang di negara kita ini. Dan dalam peruntukan saya telah semak rupa-rupanya tidak ada langsung peruntukan untuk membuat mahkamah baru Bukit Mertajam, mungkin pada tahun 1937 bangunan mahkamah Bukit Mertajam dapat setanding dengan lain-lain bangunan Kerajaan pada ketika itu, tetapi pada ketika sekarang bangunan itu sangat mendukacitakan. Jadi, itulah Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian berkenaan akan mengambil berat di atas perkara ini dan membetulkan supaya perkara-perkara yang tidak-keadilan tidak berlaku lagi.

Benarkan saya, menyentuh sedikit di atas B. 8 iaitu Jabatan Perdana Menteri—Perancang Keluarga. Saya sokong benar 100% perkara yang dibangkitkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas supaya Kerajaan tak semestinya menggalakkan perancang keluarga, kerana memandangkan kepada keadaan negara kita sekarang, negara kita masih boleh pada fikiran saya mengisi lebih kurang 70-80 juta manusia lagi.

Satu perkara lagi saya ingin menyentuh, ialah Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Pada ketika negara memerlukan tanah-tanah dalam pekan, rupa-rupanya masih banyak lagi tanah dalam pekan iaitu tanah wakaf yang dibiarkan begitu sahaja, terutama sekali yang saya dapat tahu ialah di Pulau Pinang. Mengapakah Majlis Ugama Islam tidak mengambilalih tanah-tanah itu dan develop untuk memberi keuntungan kepada masyarakat Islam dan saya percaya ini bukanlah bercanggah dengan dasar ataupun ajaran ugama Islam. Undang-undang telah membenarkan Majlis Ugama Islam mengambilalih tanah wakaf mengikut Administration of Muslim Law, 1959 memang diberi kuasa kepada Majlis Ugama Islam mengambilalih tanah wakaf samada wakaf am atau tanah wakaf khas, tetapi dukacita sehingga sekarang, saya percaya belum ada satu pun tanah wakaf yang diambilalih.

Tuan Pengerusi, saya ingin sebut sedikit di sini ialah Majlis Perpaduan Negara ataupun Urusetia Perpaduan Negara. Perpaduan

negara melibatkan keadilan masyarakat. Jika dalam satu-satu masyarakat itu tidak ada keadilan masyarakat, tidak adalah perpaduan. Sebab tidak ada perpaduan negara dan tidak keadilan masyarakatlah mengapa kita dapati pada hari ini ada rakyat yang menunjuk perasaan, adanya ketidakpuasan hati di antara golongan-golongan masyarakat dan ketiadaadilan itu didapati di merata-rata. Tetapi bagaimanapun, saya cuma ingin menumpukan perhatian Dewan yang mulia ini di atas satu segi iaitu film industry. Saya menyebutkan film industry sebagai satu contoh untuk menerangkan kepada Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana melalui filemlah segala golongan masyarakat daripada segala lapisan, daripada segala bangsa berkumpul iaitu di panggung-panggung wayang dan di sinilah pada fikiran saya penindasan dan ketiadaan keadilan terang-terang berlaku kerana filem industry ini kita boleh anggap sebagai gold mine, dan dalam gold mine inilah penindasan berlaku.

Misalnya 90% daripada filem-filem yang diimport daripada luar negeri bersubtitle bahasa China, padahal penduduk keturunan China di negara kita kurang daripada 50%. Jadi perasaan tidak senang hati dari kaum-kaum lain sudah timbul dan ini pada fikiran saya tidak sihat pada perpaduan negara. Kalau kita berjalan daripada Johor Bharu sehingga ke Kangar, kita boleh dapati poster-poster yang merata-rata di panggung wayang berbahasa China boleh dianggarkan 70% dan ini juga pada fikiran saya tidak sihat untuk perpaduan negara. 65% daripada filem-filem yang diimport filem-filem China padahal penduduk keturunan China kurang daripada 50%. Ini juga menimbulkan keadaan dan situasi yang tidak sihat untuk perpaduan negara. Di samping monopoli oleh golongan-golongan tertentu, khasnya Shaw Brothers dan Cathay. Ini menghalang perusahaan filem bumiputra, sebab mungkin banyak di antara Ahli-ahli Yang Berhormat di sini kurang faham di atas cara-cara penindasan filem industry bumiputra. Sebab tiap-tiap keluaran filem yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha tempatan 50% dikehendaki bayar hall charges dan daripada yang tinggal 50% itu 25% untuk distribution charges dan daripada 25% itu pula 12½% pula untuk filem hire duty. Jadi kesudahannya perusahaan filem usaha daripada mula hingga akhir sehingga terciptanya satu filem cuma

mendapat lebih kurang 10% hingga 12%, yang lagi 82% diterima oleh tuan-tuanpunya panggung wayang yang ada di negara kita ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala berapa?

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Dalam Kepala Perpaduan Negara. Dengan adanya perkara ini satu situasi yang tidak sihat akan timbul untuk perpaduan negara.

Tuan Pengerusi: Tetapi jangan lupa pesanan daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua masa mula membuka perbahasan hari semalam iaitu hendaklah ditumpukan perbahasan ini pada dasar perkhidmatan yang diuntukkan wang kerananya. Saya sudah beri sedikit kebebasan tetapi jangan pula lebih daripada itu.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tujuan saya menceritakan perkara ini kalaulah perkara ini tidak ada, maknanya kita tak perlu menguntukkan untuk Majlis Perpaduan Negara. Disebabkan adanya penindasan inilah yang kita kehendaki Majlis Perpaduan Negara, sebab perpaduan negara tak dapat dicapai selagi ada penindasan oleh satu golongan terhadap golongan yang lain.

Tuan Pengerusi, filem-filem yang diimpot melalui Hongkong dan Singapura oleh Shaw Brothers dan Cathay ini ialah secara inflated price. Ini bertujuan supaya keuntungan yang didapati daripada negeri ini dapat dikeluarkan secara tak langsung. Misalnya kalau satu filem diimpot, dibeli daripada Eropah dengan harga \$100, di Singapura ataupun di Hongkong dijual ke Malaysia ini dengan harga \$100 juga. Ini bukan sebagai keuntungan tetapi sebagai bayaran. Inilah satu perkara yang patut Kerajaan mengambil perhatian berat supaya filem-filem daripada luar negeri mestilah diimpot terus daripada Malaysia supaya keuntungan ini boleh dapat dinikmati di negara ini sendiri, kerana kita dapati sekarang ini di negara Singapura misalnya ada Shaws Towers, Shaw Centres, Shaw House dan sebagainya, tetapi di Malaysia cuma Jalan Shaw sahaja yang ada, dan ini pada fikiran saya, satu situasi yang tidak sihat untuk mencapai perpaduan negara.

Tuan Pengerusi: Itu "Shaw" lain.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Terima kasih. Jadi, oleh sebab-sebab yang saya telah berikan di atas, demi kepentingan perpaduan negara, Kerajaan mestilah mengadakan quota impot filem seimbang dengan percentage penduduk.

Yang kedua, subtitle mestilah dalam bahasa Inggeris atau bahasa Malaysia supaya perkara ini tidak akan menimbulkan perasaan yang tidak senang di antara kaum-kaum yang bukan daripada keturunan China. Undang-undang mestilah diadakan supaya 30% daripada screen time diberikan kepada filem-filem keluaran syarikat bumiputra tanpa sabotaj.

Tuan Pengerusi: Kalau Ahli Yang Berhormat hendak teruskan juga berucap mengenai filem ini, ianya di bawah Kepala lain, bukan di bawah Kepala ini.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Baik, Tuan Pengerusi.

Selain daripada itu, saya tak mahu panjangkan lagi mengenai perkara ini dan sekali lagi saya mengucapkan

Tuan Pengerusi: Perkara lain tak mengapa, Yang Berhormat boleh bercakap yang berhubung dengan perkara ini, tetapi kalau hal filem ianya di bawah Kementerian Hal Ehwal Negeri dan ada Kepala lain mengenainya.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Pengerusi, saya ceritakan perkara ini oleh kerana inilah tujuan utama mengapa kita tak ada satu perpaduan negara.

Tuan Pengerusi: Betul, tetapi panjang sangat huraianya itu.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Baik, terima kasih.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, saya bangun mengambil peluang berucap sedikit mengenai Anggaran Belanjawan di bawah Kepala B. 8. Saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, I wish to emphasise further on the allocation of \$4,514,694 for the National Unity Board. It is my considered view, Sir, that if we hesitate to spend merely \$4 million for National

Unity, I think we may have to spend \$40 million later to make good the destruction which will be created by disunity.

Referring back to history, Tuan Pengerusi, since the days of Sultan Mansor Shah who ruled our beloved land of Melaka and then our British Masters till 13th May, 1969, we had all the unity in this country that was needed. No one had to preach or teach or tell us how unity should be created or what unity was. We understood unity for good. We had lived harmoniously; we had lived everywhere with all races in this country without even knowing what is disunity because the question of unity was not at all raised at that time. But after May 13th, 1969, Tuan Pengerusi, although unity was natural, a touch of unnaturality was given to unity. One had to teach the other what is unity; one had to tell the other how to live in harmonious unity and this has become a lesson to us after May 13th, 1969. But today, Tuan Pengerusi, we have to spend millions of dollars to maintain unity in our country. We all know the reasons for this, and I hope the Honourable Member for Kepong also knows what is the reason.

I have noted with interest that every time the Honourable Member gets up, he has something to criticise about either the Government or someone in the Ministerial Bench. I have also noted with interest that he always shed crocodile tears without knowing what he was talking and every time he tried to blame others without even knowing what he was blaming others for. Here in this House yesterday, Tuan Pengerusi, we heard the Honourable Member for Kepong state—if you permit me, Sir, I will quote—“On the surface of it, this country may look a very united country”. What is below the surface, I would like to ask the Honourable Member? Does he know what is below the surface? I am sure he will know what is below the surface. If he knows what is below the surface, what is his contribution to national unity in this country, I would ask him? Not only this, Tuan Pengerusi, it is very easy to disrupt peace but it is very difficult to create peace, not only here, but in any part of the world.

Tuan Pengerusi, he has said that the country may look very united on the surface. As a responsible politician and also as a leader of a political party in this country, I have seen what is below the surface of what

he has said yesterday. Below the surface I think are the tactics of the Member who has played it during the last two elections in 1969 and 1974. Unfortunately, or fortunately, I happen to be a resident of Kepong where the Honourable Member comes from. I have seen everything that is below the surface of his tactics, and we have experienced the tactics of the Honourable Member who pretends in this House that he is very worried as to what is going to happen to this country. I think the only service the Honourable Member can do to this country is that, if he is quiet, national unity will flourish in this country than anything else. (*Tepuk*).

After 1969, Mr Chairman, Sir, I was one of those who had to run for their life from the Honourable Member's “petty boys” who never allowed us to stay in our house, who had taken the laws of democracy into their own hands. They tried to destroy us. They had done everything that is possible to destroy national unity in this country. After the 10th of May, in the night when the election results were announced, I must tell this House, Mr Chairman, Sir, we were unable to go out. It all looked as if the reign of the Japanese had come back again; you could never go out of your house, you could never talk to your friends; you had to look after your wife and children and stay at home every day until the 13th of May. Only people who had suffered would know what this was.

On the 26th of April 1969, if I may recall, at Brickfields—we call it Padang Kanak-kanak—the Honourable Member's “petty boys” grouped up and disrupted our rally and I was one of those who was stoned with others. We prayed to them, we told them “Please let democracy live in this country.” We asked them whether they believed in democracy; we asked them whether they had belief in the fundamental rights of human beings. They never allowed us to speak. They never allowed us to conduct our rally in Brickfields. They said “This is our kawasan, you Perikatan keluar dari sini.” This is what we got. This I quote, Mr Chairman, Sir, for example as to how democracy played in the hands of our Honourable Opposition Member for Kepong who cries and cries and cries in this House for goodwill which does not exist in the bottom of his own heart.

On the other hand, Mr Chairman, Sir, the Honourable Member for Kepong went on stressing on polarisation. The medical

world only very recently came to know the impact of certain sicknesses, especially cancer. The new cancer which is developing in this country, as described by our Honourable Member, is polarisation. What is polarisation? How did it come about? If the Honourable Member puts his hand on his heart and asks for himself, I am sure he will get the answer. His reasons given for polarisation, Mr Chairman, Sir, are retrenchment, inflation and recession. Where in any part of the world you do not have retrenchment or you do not have recession? Everywhere and in every country you have that, but the Honourable Member stated that only in this country, because of recession, inflation and many other things and so on, polarisation is taking place. But I would say, Mr Chairman, Sir, the creator, the founder of polarisation is the Honourable Member himself, the reasons being which I know, and I had seen during the elections of 1969, Mr Chairman, Sir, when I had addressed in 75 Alliance rallies. In all the 75 rallies throughout the country I had seen how racial tactics were played by the Honourable Member and his party. You could never speak a word about them and come down from the platform—you are finished. Law was taken into the hands of an ordinary man. No one could talk about his own rights. If a poster of the Honourable Member was missing from Kepong constituency, that is all; that evening hundreds of posters belonging to the ruling party would be missing. This is how polarisation has been created.

In the last election, Sir, I happened to be a candidate for the first time, that is 1974. I know what polarisation is. I have experienced polarisation myself. I have even experienced polarisation in my own constituency. If you are a Chinese, you must only vote for Chinese; if you are an Indian, you must only vote for an Indian; and if you are a Malay, you must only vote for a Malay, this is the publicity of the Opposition.

Can this tactic survive anymore in this country, Mr Chairman, Sir—I have to ask? This is what is polarisation, dividing the whole community in this country, making sections of them in the name of their colour, creed and their race and telling them, you should follow only this, you should not follow that. This is the polarisation which had been created by the Honourable Member himself

and his so-called followers and his so-called boys, who are the reason for this polarisation in this country.

In the 1974 election, Mr Chairman, Sir, we the Government backbenchers followed the directions of our Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak. We played it very quiet contributing—not to polarisation—but contributing to national unity. That is the type of national unity we are trying to maintain today. But the Honourable Member who was talking on polarisation, who has been driving the crowd in accordance with their race to a corner of Malaysia comes again in this Dewan and speaks about polarisation.

Mr Chairman, Sir, inflation, retrenchment and recession have no bearings whatsoever on national unity. Certain elements under the impression of championing the causes of the masses have created disunity among the races for their own selfish ends. I know how language was played. Language was played as an issue. Mr Chairman, Sir, millions have died in this globe for the sake of language. No one in this world can tolerate when it comes to the question of language. It is the greatest issue which mankind could not tackle all this while. Language issue was raised in various parts of the country during the election. We had to be quiet because we had in our mind our first task which was national unity. There was no one to control. Posters, my God—only God could see how they were written—tearing the existing races and their unity to pieces.

We know questions were asked in this Dewan about small rallies held and why legal actions were not taken about them. But I know myself that many posters destroying the unity of this country were written and pasted in various parts of the country. No one has taken any action and I have to ask today why action has not been taken on such elements who had attempted to create disunity in this country. Justice, Mr Chairman, Sir, is for everyone. Everyone must see that justice is maintained but at the same time it is the responsibility of the individual to see that he follows the rule of law. The rule of law cannot be taken into any individual's hands and be just destroyed for his own future. From the speeches of the Honourable Member for Kepong, I have come to one conclusion, Sir; the causes for polarisation are not what is stated by the Honourable Member. I will classify them as three reasons.

- (1) The sentiments expressed by certain elements.
- (2) Selfish motivation in order to gain a seat. They do not worry what happens to this country and as long as they sit in the Dewan it is enough for them.
- (3) Irresponsible behaviour of certain politicians. These are the people who have turned the country to such an extent during the 1969 elections. Today, they come over here, sit within our midst and ask us questions as to what is going to happen and what action the Government is going to take on polarisation.

Mr Chairman, Sir, national unity has been adhered to by the majority of Malaysians, but a handful of power-crazy and destructive elements are solely responsible for disunity in this country. Before the 1969 General elections, if I recall correctly, we had three General Elections in this country—we had one in 1955, one in 1959 and one in 1964. Out of the three Elections, although a lot of Honourable Members from the Opposition had won the Elections, never a disturbance had happened in any part of the country. Why should we specifically remember May 13, 1969? What is so wonderful about May 13? Is it the only thing that has happened in this country? Or is it that only our country has experienced May 13? If I may recall, Mr Chairman, let us take Congo for instance—it is now known as Zaire. It was torn to pieces because of a civil war. We have read about the American Civil War; we have read about civil wars and civil commotions in many countries. Take the small island of Ireland, with one culture, one people, one nationality, one race and one language. Yet why should there be trouble there? Tuan Pengerusi, if we take all these into consideration, then everything that has happened on disunity are the creations and the contributions of the Honourable Members of the Opposition—if they would sit and admit—particularly the Member for Kepong, I should say everything will be all right; that is my humble conclusion.

Even during the last General Elections, you know, Tuan Pengerusi, what has happened and I do not want to emphasise much on it. People who were responsible for the sort of affairs are remaining today as great pretenders of peace and unity. What has been actually carried out by the Government to create harmony amongst the races, Mr Chairman,

Sir, can be destroyed within half a minute. It is very difficult to create unity, Tuan Chairman, Sir. To bring a pot or a jar of milk for human consumption, how long it takes to create. You have to feed the cow, take it to the field and with all the hard work, you get a pot of milk. But it is very easy to put a drop of poison into it and make it unfit for human consumption. The pot of milk was created from the beginning by Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, our former Prime Minister and followed by our beloved Prime Minister Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, and the drop of poison was put into it by the Honourable Member for Kepong himself.

Can we bear this anymore? Are we going to hear this sort of publicity anymore? We have to be very careful, Sir. Any destruction in our country anymore can never be tolerated. I have experienced myself. It is very easy to create a commotion, but after the commotion has been created, who suffers? The ordinary masses suffer. The so-called socialists but capitalists in action and heart, will not suffer much. Outside they pretend to be socialists but in their heart of heart they are capitalists themselves. They would sit inside their houses and they would never come out of their houses until the trouble is over. I know, after May 13, how many of them took the first flight to London and other countries. But people like us had nowhere to go, no planes to catch and no money to buy a ticket. The only "plane" I could catch was a motorcycle to go back to my house, and run for my life. Who was going to save us, except God. It all looked as if in this country there was no Police, no law, after the night of May 10. Now we have established law, we have established everything to bring about national unity and harmony in this country.

Mr Chairman, Sir, civil commotions prevail in many parts of the world but not in our country but everything has an end. The civil commotion that we had in our country on the 13th of May has given us a lesson a lesson which we ought to learn, a lesson which we ought to understand.

To maintain unity, we got to have a National Unity Board not only to tell people how to be united, but to teach the people how to behave in public. Especially, I would say that the National Unity Board should create a school to teach the Honourable Opposition Member for Kepong what are the words

to be used in election campaigns. It is very easy to mention all those words which cannot be tolerated by others. With all these, Mr Chairman, Sir,

Tuan Pengerusi: Order, order. You can continue referring to the conduct of any Honourable Member of the House in his capacity as a Member of the House, but not in any other capacities.

Tuan S. Samy Vellu: Terima kasih. With all these, Mr Chairman, Sir, I would think the National Unity Board must be enlarged from what it is now. The activities of the National Unity Board must not only be extended throughout the country to teach the elders what is unity but it must also be implemented throughout the schools. National unity and national planning must be adopted as a subject in all the schools throughout the country, and I wholeheartedly support this allocation of \$4,514,694 for the National Unity Board.

5.37 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Pengerusi, saya pada mulanya bercadang hendak menyentuh berkenaan dengan Perpaduan Negara, tetapi setelah mendengar ucapan yang begitu bersemangat daripada rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput, jadi saya tidak mahu lagi menyentuh dalam perkara ini.

Sekarang izinkan saya menyentuh sedikit di bawah Kepala B. 1—Anggaran Perbelanjaan bagi Parlimen. Saya suka menyentuh di bawah Pecahan-kepala 1200, iaitu Anggaran Perbelanjaan untuk Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang berjumlah \$2,689,400. Di bawah Pecahan-kepala ini saya akan menyentuh beberapa perkara.

Yang pertama, saya suka menyentuh berhubung dengan penggunaan bahasa di dalam Dewan ini. Mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Bilangan 8 seperti berikut:

“8. Bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia, tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris.”

Mengikut pendapat saya, ada dua sebab mengapa Ahli-ahli menggunakan bahasa Inggeris di dalam Dewan ini.

Sebab yang pertama, kerana mereka tidak dapat menggunakan Bahasa Malaysia, maka terpaksa mereka menggunakan bahasa Inggeris.

Sebab yang kedua, kerana ada setengah orang menggunakan bahasa sebagai suatu penilaian mutu ucapan seseorang.

Kononnya, barangkali ucapan-ucapan yang dibuat di dalam bahasa Inggeris itu adalah lebih tinggi mutunya atau lebih berupa akademik daripada ucapan yang dibuat dalam bahasa Malaysia. Ini saya rasa dua sebab yang utama.

Saya menyentuh sebab yang pertama, saya rasa bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat bercakap, tidak dapat menggunakan Bahasa Malaysia secara lancar di dalam Dewan ini adalah boleh diatasi. Umpamanya, rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput boleh dibenarkan bercakap di dalam bahasa Inggeris, kerana kalau dipaksa sekalipun beliau bercakap di dalam Bahasa Malaysia, barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat mengeluarkan ucapan yang begitu bersemangat dan berkesan.

Tuan Pengerusi: Itu kalau dibenar dan diizinkan.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Tetapi ada setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan ucapan-ucapan di dalam bahasa Inggeris itu dengan membaca ucapan-ucapan yang bertulis. Cara ini mengikut pendapat saya apa salah kalau ucapan-ucapan yang bertulis itu disediakan di dalam Bahasa Malaysia, kerana sudah tentu tidaklah menjadi keberatan atau kesulitan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat membaca ucapan yang bertulis itu di dalam Bahasa Malaysia. Kalau boleh disediakan di dalam bahasa Inggeris, saya rasa tidak menjadi kesulitan untuk menyediakan ucapan itu di dalam Bahasa Malaysia, kerana ucapan itu boleh disediakan di rumah, boleh menggunakan kamus dan sebagainya ataupun pertolongan sahabat-sahabat dan sebagainya.

Yang kedua, jika betul apa yang saya katakan, ada golongan-golongan yang menganggap bahawa ucapan yang dibuat di dalam bahasa Inggeris itu lebih tinggi mutunya daripada ucapan-ucapan yang dibuat dalam Bahasa Malaysia, saya rasa ini adalah satu anggapan yang tidak sepatutnya ujud di

dalam Dewan ini. Selagi kita mempunyai perasaan yang seumpama itu, maka selama itulah bahasa yang kita agung-agungkan itu tidak akan terletak di mercu yang paling tinggi di negara kita ini.

Yang keduanya, di bawah Kepala yang sama, saya suka lah menyentuh sedikit tentang giliran-giliran bagi Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap di dalam Dewan ini. Saya bukanlah hendak menunjuk-ajar kepada Tuan Pengerusi, tetapi saya rasa bolehlah saya memberikan pandangan sedikit. Apa salahnya kiranya Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang hendak bercakap bagi satu-satu hari memberi kertas kecil kepada Tuan Yang di-Pertua, dan Tuan Yang di-Pertua menentukan sesiapa dan berapa orang yang boleh bercakap di dalam sehari. Sebab mengikut pandangan saya keadaan yang berlaku memanglah senentiasa demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat terpaksa berlumba-lumba bangun waktu hendak bercakap. Bagi kami orang-orang baru yang mentah ini barangkali tidaklah menjadi soal sangat, tetapi bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang veteran hendak berlumba-lumba dengan yang baru barangkali ada rasa segan sedikit. Tambahan pula kalau sampai 10-15 kali bangun dalam sehari tidak dapat bercakap juga, barangkali teruklah sedikit . . .

Tuan Pengerusi: Itu jenis riadhah.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Betul. Tetapi manalah tahu, Tuan Pengerusi, barangkali ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beristeri lebih daripada satu. Saya syor supaya dibuat giliran, umpamanya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan berucap dia sudah diumumkan terlebih dahulu, jadi dapatlah Ahli Yang Berhormat itu bersedia, itu cuma pandangan sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Berlumba-lumba itu bagus. Banyak yang suka berlumba-lumba. (Ketawa).

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Sekarang saya masuk kepada perkara yang lain di bawah Kepala yang sama. Di dalam Kertas-kertas Aturan dan Peraturan Mesyuarat dan begitu juga di dalam Penyata Rasmi Parlimen yang dikeluarkan oleh Dewan Rakyat ada digunakan secara mengikut tradisi, rasa saya, menggunakan perkataan "Tuan" bagi mendahului nama tiap-tiap

Ahli-ahli Yang Berhormat. Umpamanya, Tuan Zakaria, Tuan Tan Chee Khoo. Jadi, penggunaan perkataan "Tuan" ini saya tidak tahulah samada mengikut tradisi yang diikuti selama-lamanya, tetapi saya rasa patut diubah. Kalau yang sepatutnya dipanggil "Encik", melainkan "Tuan" pada tempat-tempat yang sesuai. Umpamanya, bagi "Tuan Syed, Tuan Haji", tetapi kalau Tuan Muhammad, Tuan Zakaria, itu saya rasa tidaklah begitu secucuk sedikit, tidak begitu elok sedikit.

Tuan Pengerusi: Dibeza-bezakan di antara Ahli-ahli Yang Berhormat!

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Sekarang digunakan "Tuan" tetapi ada juga digunakan macam "Dr" tetapi saya rasa digunakan "Encik" saja, itu lebih baik. Kita cuba biasa mengamalkan supaya orang-orang bukan Melayu sekalipun kita gunakan perkataan "Encik" sebab "Tuan" ini saya rasa kita tinggikan tarafnya kerana biasa digunakan di zaman penjajahan dahulu, bila disebut "Tuan" itu seolah-olah pegawai . . .

Tuan Pengerusi: Itu Maktab SITC lama (Ketawa).

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya minta izin teruskan ucapan saya di bawah Pecahan-kepala 1200 iaitu Kepala B. 1 di bawah Parlimen ini lagi. Saya suka menyentuh satu perkara lagi iaitu tugas Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Saya rasa ada baiknya pihak Jabatan Parlimen ini menentukan, merangkakan satu panduan apakah tugas atau tanggungjawab yang sebenar bagi tiap-tiap Ahli Dewan Rakyat, dan tugas-tugas ini diketahui dengan sepenuhnya oleh Ahli-ahli Dewan dan oleh rakyat yang mereka wakili di kawasan masing-masing. Saya menimbulkan perkara ini, kerana saya fikir di dalam sistem demokrasi yang kita amalkan sekarang ini ada perbezaan dari satu tempat dengan tempat yang lain. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang dalam kawasan bandar ataupun barangkali daripada negeri-negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia kita ini lain keadaannya, lain tugasnya sebagai wakil-wakil rakyat dengan wakil-wakil rakyat atau Ahli-ahli Dewan Rakyat yang datang daripada kawasan-kawasan luar bandar, terutama sekali di negeri-negeri di pantai timur.

Kerana mengikut pengalaman saya Ahli-ahli Dewan Rakyat daripada pantai timur adalah sebagai memikul tugas di dalam semua jurusan, dia juga menjadi doktor, dia juga menjadi lawyer, kadang-kadang dia juga menjadi bomoh dan juga menolong mencari pekerjaan dan sebagainya. Sebagai contohnya, saya rasa banyaklah perkara-perkara yang boleh kita timbulkan bagaimana perbezaan cara pemikiran di antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain di dalam negara kita ini. Kalau Ahli-ahli Dewan Rakyat atau wakil-wakil rakyat dari kawasan-kawasan di dalam bandar di mana barangkali pengundi-pengundi lebih tinggi pelajarannya, barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat itu hanya datang ke Dewan Rakyat menyampaikan hasrat rakyat untuk dikeskudkan kepada Kerajaan dan kepada pihak yang berkenaan. Tetapi, Ahli-ahli Dewan Rakyat atau wakil rakyat daripada kawasan-kawasan luar bandar yang lain, terutama sekali macam saya kata tadi daripada kawasan-kawasan di negeri-negeri pantai timur terpaksa memberi khidmat sepenuhnya di dalam segala lapangan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*).

Maksud saya timbulkan di sini bukanlah bermakna saya suka supaya Ahli-ahli Yang Berhormat atau Ahli-ahli Dewan Rakyat ini lari daripada tanggungjawabnya, tetapi sebenarnya diberi satu panduan, satu rangka yang menjadi panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Parlimen ini. Saya suka mengesyorkan supaya apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali, mengadakan pejabat-pejabat di kawasan-kawasan masing-masing. Saya suka mengesyorkan supaya pejabat yang diadakan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat dijalankan secara efficient, secara sempurna, secara effective. Biarlah pihak Jabatan Parlimen mengadakan sedikit peruntukkan untuk pejabat Ahli Dewan Rakyat ini bagi kawasan masing-masing. Kalau boleh, pada masa yang akan datang difikirkan kalau ada baiknya diadakan pegawai-pegawai atau sekurang-kurangnya seorang kerani tetap yang dapat melayan segala kehendak-kehendak rakyat bagi disempurnakan oleh Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala B. 9, Jabatan Perkhidmatan Awam, Pecahan-kepala 4500 Pencen dan Ganjaran. Saya

sukalah menyentuh sedikit di sini tentang pegawai-pegawai di dalam Perkhidmatan Awam yang berasa yang terpaksa berhenti daripada jawatannya untuk memasuki bertanding dalam pilihanraya, kerana saya mendapat tahu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini, sekarang ini pun ramai yang terpaksa memberi notis 24 jam meletakkan jawatannya yang mereka telah pegang lebih daripada 20 tahun dan setengah-setengahnya sudah hampir 30 tahun, meletakkan jawatan kerana bertanding di dalam pilihanraya. Dengan keadaan yang demikian ini, mereka menghadapinya dengan perasaan yang sungguh tabah. Satu penghargaan patut kita beri kepada mereka yang seumpama ini dan saya rasa patutlah difikirkan bahawa diadakan peraturan-peraturan yang membolehkan pegawai-pegawai seumpama ini diberi sebarang pencen dan ganjaran.

Tuan Pengerusi: Masaalah itu ialah polisi Kerajaan yang tidak ada sangkut-paut dengan Polisi Perkhidmatan Awam.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi, sekarang saya berpindah kepada Kepala B. 7 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Saya suka menyentuh berkaitan dengan Suruhanjaya ini, kerana Suruhanjaya ini baru sahaja ditubuhkan dan ianya telah menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna, tetapi, rasa saya bolehlah saya mengemukakan sedikit perkara untuk perhatian pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini.

Yang Pertama, tentang penyelarasan di antara Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran tentang urusan-urusan pengambilan guru-guru dan kakitangan-kakitangan dengan pihak pentadbiran di bawah Kementerian Pelajaran. Kita dapati sekarang ini ada berlaku tidak ada penyelarasan. Umpamanya, sebagai contoh seseorang guru yang dahulunya di dalam Kategori C. 1 dengan kelulusan H.S.C., tetapi selepas itu guru yang berkenaan telah masuk ke universiti. Selepas mereka keluar daripada universiti, mereka sepatutnya berhak memasuki Kategori D. 1 atau D. 2, tetapi selepas mereka melapurkan diri dan mengajar di sekolah yang kebanyakannya ditempatkan di Sekolah-sekolah Menengah. Mereka terpaksa menunggu beberapa bulan supaya mereka dipanggil untuk ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Selepas ditemuduga mereka terpaksa pula menunggu beberapa bulan sebelum

mereka diiktirafkan sebagai pegawai mengikut Kategori D. 1 atau D. 2 mengikut kelulusan yang baru di dalam masa lebih kurang setahun dan setengah-setengahnya berlaku sampai lebih daripada setahun.

Mereka ini menjalankan tugas-tugasnya mengikut kelulusan yang baru, tetapi kedudukan mereka masih diiktirafkan di dalam kedudukan gaji dan kemudahan mereka mengikut kedudukan kategori yang lama. Jadi tidak ada penyelerasan di sini, kerana pihak pentadbiran di sekolah-sekolah samada Jabatan Pelajaran menganggap guru-guru seumpama ini memang sudah lulus daripada universiti ditugaskan mengajar di Sekolah Menengah dan pada matapelajaran yang mereka belajar di universiti, pada hal pada masa itu mereka masih lagi di dalam Kategori yang lama C. 1 atau C. 2 dan gaji mereka dibayar mengikut keadaan yang lama. Dengan keadaan begini, boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan guru-guru yang seumpama ini dan inilah rasa saya menyebabkan ada segolongan di antara mereka ini yang terpaksa berpindah, berikhtiar untuk mencari pekerjaan di lapangan yang lain.

Sebagai contoh dan ini berlaku juga kepada peringkat-peringkat yang lain umpamanya kenaikan daripada Kategori B. 1 kepada C. 1 dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh sedikit di bawah Kepala P. 8 iaitu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Jabatan Perdana Menteri. Mengikut Anggaran Pembangunan ini di bawah Pecahan-kepala 22—Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Saya sukalah merayu di sini supaya peruntukan diberi kepada Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Dewan Rakyat sekurang-kurangnya untuk kegunaan projek-projek kecil serta-merta yang dapat diputuskan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam kawasan-kawasan masing-masing. Sungguhpun perkara ini pernah disebut-sebutkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sendiri, dan saya menyeru supaya perkara ini dilaksanakan dengan segera.

Di bawah Kepala yang sama juga iaitu di bawah Pecahan-kepala 3 berhubung dengan mengkaji Lebuhraya Timur-Barat. Saya suka mencadangkan supaya dimasukkan di dalam kajian untuk Lebuhraya Timur-Barat sebagai suatu cadangan supaya disambung suatu jalanraya daripada Pekan

Keruak, Ulu Besut ke Kuala Krai sehingga dapat menyambung ke Tanah Merah dan terus ke Jeli iaitu ke pangkal Lebuhraya Timur-Barat yang menyambungkan Negeri Kelantan, Perak dan terus ke Pulau Pinang. Dan di sebelah sini pula boleh disambungkan daripada Pekan Keruak ke rancangan Lebuhraya yang baru yang akan dibina melalui kawasan Trengganu Tengah.

Saya menyebut perkara ini, kerana Pekan Keruak ini barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini tidaklah mengetahui di mana letaknya. Ia terletak di Ulu Besut dan Pekan Keruak ini sebenarnya menjadi tempat pelarian kepada pahlawan-pahlawan kita yang terkenal seperti Datuk Bahman, Mat Kilau yang berulang-alik dari Pahang ke Kampung Keruak ini. Kampung Keruak ini sebenarnya lebih kurang 20 batu sahaja daripada Kuala Krai. Tetapi oleh sebab tidak ada jalan yang menghubungkan di antara dua kawasan ini, penduduk-penduduk di kawasan itu terpaksa melincong melalui Pasir Putih, Machang pergi ke Kuala Krai sehingga sampai lebih kurang 50 batu jauhnya untuk menaiki keretapi di Kuala Krai. Saya percaya jika perkara ini dijadikan sebagai bahan kajian insya Allah barangkali pada masa yang akan datang mudah-mudahan suatu rancangan akan diadakan, akan dibuat bagi kebaikan rakyat di kawasan yang berkenaan itu.

5.59 *ptg.*

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dengan ringkas Anggaran Pembangunan di bawah Kepala B. 4 Suruhanjaya Pilihanraya, terutama sekali kepada semua Pecahan-kepala mengikut Anggaran Perbelanjaan seperti yang tercatat di dalam B. 4 di atas yang telah dibenarkan untuk membelanjakan wang sebanyak \$2,543,900 untuk tahun 1975.

Di sini saya ingin memberitahu pihak Kerajaan bahawa Anggaran yang telah disediakan untuk Suruhanjaya Pilihanraya tidaklah mencukupi, memandangkan jawatan-jawatan (posts) untuk Suruhanjaya Pilihanraya, untuk meluaskan kerja-kerjanya di seluruh negara lebih-lebih lagi di Negeri Sarawak akan bertambah. Ini disebabkan jalanraya atau lain-lain perhubungan untuk meluaskan kerjanya akan menelan belanja

yang sangat besar. Misalnya, Tuan Pengerusi, dari bandar-bandar yang kecil kepada tempat-tempat yang terpencil pegawai-pegawai hendaklah menggunakan motor-bot dan lain-lain. Oleh kerana harga minyak sangat mahal pada masa ini jadi tempat-tempat yang terpencil tidak dapat dihubungi oleh pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya. Sekiranya wang tidak mencukupi untuk mereka menjalankan dan meluaskan tugas dengan sempurna. Rayuan ini, Tuan Pengerusi, hendaklah ditimbang oleh Kerajaan sekiranya negara kita ini hendak mengadakan pilihanraya atau pilihanraya-kecil dengan halus pada masa yang akan datang. Saya sendiri telah tahu bahawa banyak pengundi-pengundi yang layak mengundi tidak dapat mengundi dalam pilihanraya yang lepas kerana nama-nama mereka tidak ada didapati di dalam buku pendaftaran. Jadi untuk mengelakkan perasaan tidak puas hati atau kekecewaan yang dirasakan oleh pengundi-pengundi yang layak mengundi pada pilihanraya yang akan datang perkhidmatan untuk mendaftarkan nama-nama pengundi yang potensial patutlah diluaskan daripada sekarang. Perkhidmatan untuk meluaskan kerja ini hendaklah menggunakan ramai lagi pegawai dan pusat pendaftaran hendaklah ditambah. Dari segi ini saya percaya Anggaran Perbelanjaan yang telah disediakan kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk tahun 1975 itu tidak akan mencukupi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit sahaja atas T. 11 Pecahan-kepala 1200 dan 2100—Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan. Di sini peruntukan sebanyak \$11,000 sahaja untuk tahun 1975 ini, ertinya tidak ada tambahan dalam peruntukan itu. Mengikut pandangan saya peruntukan ini adalah sangat tidak mencukupi kerana kita tahu negara kita masih ada kekurangan Mejiseteret dan Jurubahasa dan juga negara kita ini masih terpaksa menggunakan Court Houses yang lama-lama. Saya rasa negara kita patutlah menambahkan bilangan Majiseteret kita supaya kes-kes tidak bertimbun dengan tidak sempurna seperti yang ada berlaku di seluruh negara kita sekarang.

Berkenaan Jurubahasa juga saya rasa mesti ditambah dan diberi latihan supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna dalam masa yang akan datang. Court Houses kita, Tuan Pengerusi, mana yang lama patutlah dirobohkan dan diganti semula supaya rakyat lebih-lebih lagi

orang yang masuk dalam Mahkamah boleh menghormati Mahkamah kita di mana-mana tempat di negara kita. Sebab itu, saya minta peruntukan untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan, 1975 itu ditambah.

6.05 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya bercakap terlebih dahulu berkenaan dengan B. 8 muka surat 52—Aktiviti berkenaan dengan (4) Majlis Keselamatan Negara.

Tuan Pengerusi, kita sama-sama tahu sehari dua ini telah berbangkit berbagai-bagai tunjuk perasaan yang telah diadakan, sehingga hari terakhir iaitu hari ini terus diadakan pula tunjuk perasaan di Kuala Lumpur iaitu di Padang Sultan Sulaiman Club. Saya amat sedih, Tuan Pengerusi, kerana dalam tinjauan saya kalau keadaan ini berlaku berlarutan dan berpanjangan, maka akibatnya negara kita akan terancam. Maka dengan sebab itu, saya berharap di dalam B. 8 muka surat 52—Majlis Keselamatan Negara yang tugas-tugasnya untuk mengamankan negara. Saya berharap di masa yang akan datang kalau ada pihak-pihak yang tidak puas hati di atas langkah apa yang Kerajaan kita buat sepatutnya kita sekatkan sedikit cara berhimpun. Saya di sini bukanlah membangkang terus, kerana kita tahu Kerajaan kita bukanlah Kerajaan diktator, bahkan lebih daripada demokrasi, tetapi kita takut kalau terlampau lebih demokrasi harusnya kita hanyut pada satu tempat yang tidak tertentu. Nabi Muhammad (s.a.w.) telah bersabda: sebaik-baik amalan itu pertengahan. Jadi kalau kita berlebih-lebihan saya ingat haruslah menjadi perkara yang tidak diingini. Tuan Pengerusi, saya berasa amat sedih sebagaimana saya katakan tadi Kerajaan kita amatlah demokrasi, amatlah bebas, kita boleh bercakap dan kita boleh berhimpun. Dengan sebab itu, saya berharap kepada pihak-pihak yang berkenaan baik penuntut di mana-mana sahaja, biarlah mereka adakan perjumpaan dengan terhormat dan kalau boleh Kerajaan kita membenarkan satu tempat di Dewan (Hall) atau di mana-mana, tetapi jangan tempat yang terbuka seperti yang kita tengok pada masa ini.

Tuan Pengerusi, yang saya hairan di dalam Dewan kita yang mulia ini sebagai Wakil Rakyat, setiap hari dan setiap waktu bangkit

sahaja Wakil Rakyat, bukan sahaja dari pihak Pembangkang, bahkan bagi pihak Kerajaan sendiri (Barisan Nasional) merayu dan mendesak berbagai-bagai macam, barang mahal dan sebagainya. Kita sama-sama sedar, kita mendesak pada Kerajaan kita sendiri walaupun kita tahu kalau hendak dibandingkan dengan negeri-negeri luar harga barang kita amatlah baik. Kenyataan ini saya dengar, Tuan Pengerusi, tetapi saya takut hendak katakan sebab pada suatu hari dahulu Tuan Pengerusi sendiri menerangkan sebagai pengumuman supaya jangan sebut nama Duli Yang Maha Mulia Sultan dan sebagainya. Kalau hendak dibandingkan kedudukan harga barang di Malaysia dengan negeri-negeri lain Malaysia amatlah baik, tetapi sebagai Wakil Rakyat tiap-tiap ketika kita menyuarakan hasrat rakyat dan kita tahu apa yang disusahkan oleh rakyat, tetapi apa yang hendak dibuat, mesyuarat 4 jam yang disiarkan dalam radio cuma 12 minit. Adakah semua dapat disebutkan apa yang dikatakan oleh Wakil Rakyat dan juga saya berasa sedih Kerajaan kita cukup beri keistimewaan pada pelajar-pelajar. Dengan sebab itulah Kerajaan ambil daripada kakitangan pejabat kita pada hari ini kesemuanya dari penuntut-penuntut yang berkelulusan tinggi, saya percaya dalam Dewan kita pegawai-pegawainya terdiri dari pelajar-pelajar. Begitu juga ada di antara Wakil-wakil Rakyat yang diambil oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada hari ini. Ini menunjukkan Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menitik-beratkan pada pelajar-pelajar yang berkenaan. Dengan sebab itu, saya merayu kepada pihak yang berkenaan patutlah amati dan saya berseru juga kepada Kerajaan benarkan di satu tempat khas, janganlah terjadi seperti pada pagi ini sehingga banyak orang pedih mata termasuk saya sendiri sewaktu lalu di situ.

Dan semasa saya lalu di Kuala Lumpur maklumlah kereta berderet-deret tidak boleh lalu dengan laju, maka telah diedarkan dengan surat-surat, dan yang paling menyedihkan saya dalam surat ini menyatakan iaitu pihak berkuasa kejam. Ini bermakna seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional ini cukup kejam kerana memberi pedih mata kepada manusia.

Tuan Pengerusi: Surat apa Yang Berhormat baca?

Tuan Shaari bin Jusoh: Surat siaran daripada penunjuk-penunjuk perasaan pagi tadi.

Tuan Pengerusi: Daripada pertubuhan mana surat siaran itu dan siapa yang mengeluarkannya supaya ada dalam rekod kita?

Tuan Shaari bin Jusoh: Kalau tidak silap saya dikeluarkan oleh Persatuan Mahasiswa Tionghua Universiti Malaya semasa saya lalu di tengah jalan. Oleh sebab kesesakan kereta lalu-lintas, maka telah dicampakkan ke dalam kereta saya. Saya pun ambil surat yang dicampakkan itu. Apa yang menyedihkan ialah tentangannya kepada Kerajaan. Saya berasa dukacita juga kerana ada di antara penunjuk perasaan ini yang menyatakan bahawa Kerajaan kita hari ini terutama Menteri dan Wakil-wakil Rakyat seolah-olah mencari kekayaan yang lebih, walhal dari apa yang saya tahu dan ini bukan bermakna saya hendak memuji atau memuja setengah daripada Menteri, mengambil tempat sebagai Wakil Rakyat bahkan sebagai Menteri setengahnya kalaulah hendak dibandingkan dari segi pendapatan maka amatlah rugi. Sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas iaitu saya memegang jawatan sebagai Wakil Rakyat kalau dikira dari pendapatan amatlah rugi, tetapi kalau untuk berkhidmat kepada rakyat, beliau sanggup. Begitulah juga kepada Wakil-wakil Rakyat yang lain, kena caci dan sebagainya.

Saya percaya Wakil-wakil Rakyat kita ini bukanlah seperti penuntut-penuntut atau penunjuk-penunjuk perasaan, bahkan kita Wakil-wakil Rakyat lebih baik daripada apa yang kita buat. Oleh itu, saya berharap kepada Kerajaan supaya menitik-beratkan di atas perkara ini dan saya merayu kepada pelajar-pelajar yang membuat tunjuk perasaan ini mengikut cara yang sopan dan kalau boleh janganlah berkelakuan begitu.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 8 dan juga Kepala B. 5 berkenaan dengan dakwah. Soal dakwah ini amat baik. Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam yang di dalam kandungannya bertujuan untuk mengeratkan, menyamaratakan kedudukan ugama di bahagian dakwah kepada Ugama Islam.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan terutama kepada Jabatan Perdana Menteri yang telah mengadakan Jabatan ataupun Majlis ini yang mana tujuannya

untuk memberi dakwah yang baik, dan baru-baru ini pun telah dilantik khas seorang Pengerusi Yayasan Dakwah kita iaitu Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Tetapi setahu saya tiap-tiap satu jawatan itu ada berperingkat-peringkat. Kalaulah dikatakan Jabatan Perdana Menteri di peringkat pusat, Ketua Menteri ataupun Menteri Besar bagi peringkat negeri dan Pegawai Daerah bagi peringkat daerah. Jadi tentulah anih sangat agak saya kelau ada pengerusi Yayasan-yayasan Dakwah bagi peringkat pusat dan di peringkat negerinya tidak ada. Saya tidak menyuruh mengadakan di peringkat negerinya tidak ada. Saya tidak menyuruh mengadakan di peringkat pusat tetapi patutlah dibuat sebagai pegawai di peringkat daerah itu, pegawai ataupun apa-apa yang berputatan.

Saya berasa dukacita sekiranya dalam Yayasan Dakwah ini baik pun di talivisyen disiarkan oleh Yayasan Dakwah iaitu tiap-tiap hari Khamis malam Jumaat begitu juga dalam radio dan sebagainya. Mengikut adat kita orang-orang Melayu, walaupun kita sama-sama beragama Islam, tetapi mereka tidak berminat untuk mendengarnya kalau syarahan ataupun penerangan cara biasa itu dibuat. Amat sedih sekali saya nyatakan sekiranya penerangan yang bercorak dakwah yang ditimbulkan oleh Ugama Islam tidak sempat pukul 10.00 malam kalau pendengar-pendengar yang mengantuk tentu sudah lain ingatannya. Begitu juga dalam talivisyen. Ini berlaku kepada saya sendiri iaitu pada malam Khamis yang lepas, satu syarahan ataupun forum dari talivisyen. Satu tempat yang saya tidak mahu khabarkan tempatnya tetapi tempat pelajaran yang cukup baik. Saya menumpang melihat talivisyen di samping menunggu seorang kawan. Malangnya si budak tadi, tetapi bukanlah budak kecil malah budak yang sudah berumur lebih daripada 20 tahun dipusingkan talivisyen itu kepada saluran yang lain, maka tersenyumlah saya. Jadi saya berpendapat kalaulah hendak memberi dakwah untuk disalurkan kepada seluruh manusia selain dari apa yang diadakan di talivisyen atau syarahan untuk pegawai dan sebagainya, patut diadakan filem ataupun drama dan sandiwara. Saya katakan begitu sebab saya agak tentu Tuan Pengerusi masih ingat dan Tuan Pengerusi sendiri sama-sama mengenangkannya. Baru-baru ini dalam anjuran Tabung

Haji ataupun Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, saya tidak dapat tahu dengan tepat satu filem berkenaan dengan naik haji ke Mekah.

Di masa-masa yang lalu kalau kita tengok orang yang melihat wayang itu setiap kali orang yang berambut panjang dan disikat licin dan sebagainya, tetapi satu ketika saya tersenyum yang mana saya tengok pak-pak haji yang berkopiah putih atau berketayap penuh di panggung-panggung sampai 12-15 hari tetap begitu sahaja. Ini menunjukkan kalau cara syarahan biasa ataupun cara yang kita buat hari ini kurang menarik maka dengan sebab itu saya berharap kepada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam supaya mengadakan satu filem yang mana kesimpulannya filem itu menarik manusia ke jalan kebaikan dan menakutkan manusia ke jalan kejahatan. Begitu juga dalam talivisyen dan sebagainya. Saya berfikir kalaulah Jabatan ini mengadakan rancangan yang berkenaan tentulah mendapat kesan yang lebih baik daripada yang ada pada hari ini walaupun apa yang ada pada hari ini saya tidak menafikan ataupun saya tidak mengatakan tidak baik.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 8 Tabung Haji juga. Berkenaan dengan Tabung Haji yang telah banyak dibahaskan oleh sahabat-sahabat saya yang lain, saya juga menyokong rancangan Tabung Haji ini kerana ini amatlah baik. Kalaulah tiap-tiap rakyat terutamanya bumiputra yang beragama Islam mengikuti dengan sepenuhnya apa yang dikehendaki oleh Tabung Haji dan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dan disebut pula oleh penolongnya Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas berkenaan dengan Tabung Haji, ini amatlah baik. Tetapi setahu saya penduduk-penduduk kampung kurang berminat bahkan yang menyimpan wang di Tabung Haji yang khasnya untuk ke Mekah walhal dari syarat-syarat ataupun dalam kenyataan tiap yang disimpan di Tabung Haji bukanlah semata-mata untuk ke Mekah bahkan kalau tidak silap saya ada berbagai-bagai perkara lagi yang memberi faedah dengan cara menyimpan di Tabung Haji. Mengapakah kurang menyimpan-penyimpannya?

Saya berpendapat salah satu sebab yang menyebabkan rakyat kurang menyimpan kerana cara penerangan tidak cukup dan cara kemudahan-kemudahannya yang tidak lengkap dan tidak memberi kesenangan. Saya

biasa mendengar satu ketika dahulu, seorang membawa wang yang banyak untuk menyimpan wang itu di Tabung Haji melalui kereta Pos. Malangnya si pembawa kereta dan si pengurus itu bukan bumiputra. Dia telah berkata daripada awak simpan \$1 lebih baik dibelikan rokok ataupun gula—itu lebih baik. Jadi orang itupun membawa balik wangnya itu. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan kepada Jabatan yang berkenaan supaya mengadakan satu kereta khas ke kampung-kampung untuk menyenangkan penyimpanan-penyimpan di Tabung Haji tadi, dan sebagaimana kata sahabat saya daripada Tumpat, kalau tidak silap saya tadi patut ditambah 22 lagi, saya fikir 22 tidak begitu cukup. Sebolehnya tambahlah lebih banyak lagi.

Bagi negeri saya sendiri iaitu Perlis, hari ini ada seorang Pegawai Tabung Haji, ini tidaklah cukup dan biarlah ada orang yang berkenaan itu orang yang kena pada tempatnya. Kalau tidak silap saya ada satu Hadith mengatakan: kalaulah kita tugaskan kepada satu orang yang bukan pada ahlinya maka alamatnya tidak baik. Jadi ada di antara pegawai-pegawai berkenaan di Tabung Haji yang hendak bersyarah berkenaan dengan Tabung Haji tetapi dia sendiri pun tidak pandai bercakap dan cara penyampaiannya pun tidak menarik bahkan dia sentiasa ada di pejabatnya. Jadi saya berharap di samping manambahkan pegawai biarlah orang yang akan ditambah itu orang yang berpengalaman dan orang yang tahu selok-belok berkenaan dengan Tabung Haji dan pandai cara penyampaiannya.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit lagi berkenaan dengan Kepala B.1—Parlimen. Dalam Dewan kita yang cantik dan molek ini sehingga pada kotak rokok kita bubuh cap Parlimen. Semua orang hendak beli rokok cap Parlimen, tiap-tiap kali balik Ahli Dewan Rakyat kena bawa balik rokok itu kerana orang hendak tengok gambar Parlimen, bangunannya cantik. Tetapi di dalamnya kita tak tahu bahawa di sebalik kecantikan itu ada tempat yang bocor sebagaimana kata kawan saya tadi.

Semasa saya dahulu bersama dalam Dewan Negara satu ketika, salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat Dewan Negara telah duduk berubah tempat, namanya di tempat lain, dia duduk di tempat lain. Saya perhati mengapa hamba Allah itu duduk di tempat lain, walhal dalam susunan Dewan dia kena

duduk di tempat yang dikhaskan untuk dia. Rupanya hujan turun dan saya tengok di tepi tempat dia duduk ada satu baldi menadah air menitik dari bumbung. Jadi bila satu ketika Ahli Dewan Negara lain datang ke sini masa hujan, tengok tempat itu air menitik yang sepatutnya elok dan baik, tiba-tiba tempat Ahli Dewan Negara ada air menitik ini menunjukkan kita tak bertimbang rasa ataupun tak adil antara satu sama lain, antara dua Dewan. Jadi saya berharap kepada pihak berkenaan tolonglah tampung sebelum Ahli Dewan Negara bersidang, kalau boleh jangan berlaku perkara seperti itu.

Kedua, dalam Dewan ini ada banyak kantin. Salah satu bilik kantin yang saya pandang cukup istimewa, pengguna-penggunanya amat banyak termasuklah saya walaupun ada kantin lain, tetapi alatannya agak saya kurang memuaskan. Bangku-bangku patut ditambah lagi dan alat-alat kipas angin patut diadakan di situ. Kalau Tuan Pengerusi bertanya di mana tempat itu, saya harap pada suatu hari jika Tuan Pengerusi ada lapang, kita pergi bersama ke tempat yang saya sebutkan. Itulah satu kantin yang diminati oleh orang ramai.

Ketiga, sejak datang ke sini, saya berasa bahagia. Selain daripada menjadi Ahli Dewan yang dipilih oleh rakyat, maka pegawai-pegawai dalam Parlimen ini orang-orang yang cukup kuat bekerja, bukan setakat kuat bekerja, beriman pula iaitu di bawah jagaan ketuanya Datuk Azizul Rahman sebagai Setiausaha Parlimen. Jadi saya yakin dan percaya, bukanlah dengan sebab desakan Parti Pembangkang, bahkan Kerajaan telah lebih dahulu sedar, bahkan ada dalam kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau saya tidak salah, salah satu syarat naik pangkat mesti dipandang dari segi iman dan akhlak. Saya dapati banyak pegawai dalam Parlimen ini yang begitu, insya Allah, hajat mereka akan dipertimbangkan oleh Kerajaan kita yang bertimbang rasa.

Tuan Pengerusi, nampaknya masa hampir cukup

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung 6 minit lagi. Sebab Ahli Yang Berhormat telah lama menunggu hendak bercakap.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, tentang Suruhanjaya Pilihanraya banyak telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat, ada setengahnya mengatakan Suruhanjaya Pilihanraya ini tak adil. Saya ingat orang itu sebagaimana kata saudara saya tadi, orang itu tak bertimbang rasa dan tak mahu menilai yang baik dan buruk.

Saya ucapkan terima kasih kepada Pengerusi Suruhanajaya Pilihanraya dan Pegawai-pegawai yang menjalankan kerja dengan baik, mereka tak pilih siapa atau parti. Walaupun dia tahu Barisan Nasional tetap akan memerintah Malaysia dengan kemenangan 47 kerusi tanpa bertanding, tetapi dia tetap sebagai pegawai menjalankan tugasnya. Walaupun calon itu dari Barisan Nasional, dia sendiri mengatakan kalau yang salah, aku tetap menyalahkan, walaupun Pembangkang kalau benar, dia tetap membenarkan. Ini menunjukkan Suruhanjaya itu berjalan dengan baik. Tetapi sebagai manusia biasa, memang ada terdapat perkara-perkara yang menjadi kelambatan mendaftarkan pengundi pilihanraya sebagaimana kata saudara saya tadi. Saya sokong iaitu patutlah diadakan selalu pendaftaran pengundi, jangan diadakan setahun sekali, kerana masa setahun itu terlalu singkat sangat, patut diadakan selalu dan pegawainya patut ditambah. Orang yang hendak mendaftarkan itu biarlah anak tempatan, seboleh-bolehnya ketua kawasan ataupun ketua kampung yang berkenaan.

Di Perlis, ada satu masalaah pula berkenaan Suruhanjaya Pilihanraya iaitu peruntukannya hanya ada \$2,400 kalau hendak dibandingkan dengan peruntukan di sini amatlah sedikit. Saya berharap kepada Suruhanjaya Pilihanraya menambah sedikit peruntukan di Perlis dan menambah pegawai-pegawainya dan ambillah orang yang berkenaan yang mengetahui hal selok-belok penduduk yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 9 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Di Perlis, kalau ada satu majlis temuduga maka terbit satu cadangan ataupun desakan daripada umum bagaimanakah kedudukan rakyat Perlis, tidak pernah ada langsung Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Jawab pihak berkenaan mengatakan Perlis ini negeri kecil, wangnya tak cukup, ahli yang hendak diambil tak patut kalau hendak diadakan satu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Walau macam-macamapun, saya berharap supaya jangan dikatakan oleh setengah orang, orang-orang Perlis tidak dapat kerja, sebab tak pernah

langsung ada salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa terdiri daripada orang Negeri Perlis. Saya berharap pada masa yang akan datang, bukan saya maksudkan diri saya, saya seorang yang muda, tak patut dan tidak boleh memegang jawatan itu. Jikalau-lah ada orang-orang yang berpujian atau orang yang layak daripada Perlis, kalau ada ahli Jawatankuasa Perkhidmatan Awam di mana-mana, tolonglah ambil orang Perlis duduk bersama dalam Jawatankuasa itu supaya terhapuslah salah sangka rakyat Negeri Perlis yang selalu meminta kerja tak dapat dan mengatakan salah satu sebabnya kerana tak ada wakil daripada Perlis.

6.26 ptg.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling):

Tuan Pengerusi, pada hari Ahad yang lalu telah terjadi satu perhimpunan besar yang dicituskan oleh rakyat Baling, daripada mana punca, siapa yang menganjurkan, tentulah Kerajaan menerusi agensi yang tentu telah mengetahuinya. Dalam perhimpunan tersebut, kalau tidak diawasi dan dikawal dengan rapi dan cermat sudah tentu akan menjadi liar dan mungkin akan menjahanamkan harta-benda rakyat. Tetapi, alhamdulillah, syukur segala-gala berjalan dengan baik dan terkawal kerana kebijaksanaan Polis. Maksud saya menyentuh hal ini ialah kerana dalam peruntukan Jabatan Perdana Menteri ada menyebutkan Bahagian Perancang Ekonomi. Bahagian ini juga yang memainkan peranan yang besar di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Satu daripada desakan yang dibuat oleh rakyat dalam perhimpunan tersebut ialah berkehendakkan supaya perseimbangan perancang ekonomi di luar bandar dengan dalam bandar. Rakyat berkata bahawa perancang ekonomi yang dibuat itu tidak begitu cekap dan sesuai dengan laungan-laungan yang dibuat oleh Kerajaan bagi mengadakan Masyarkat Adil. Rakyat di Baling meminta \$100 juta untuk membangun kawasan Baling yang tertinggal. Tentulah angka yang besar ini mentertawakan Dewan hari ini, kerana masakan Kerajaan dapat hendak memberi \$100 juta kepada kawasan Baling sahaja, tetapi maksud dan tujuan desakan ini mungkin menyatakan bahawa selama ini ada banyak lagi perancang ekonomi dapat dibuat untuk kampung-kampung Melayu di luar bandar.

Sebenarnya, untuk memuaskan perasaan rakyat di kampung-kampung iaitu sebagai matlamat suci Kerajaan Barisan Nasional hari ini, maka Bahagian Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri hendaklah menyesuaikan rancangan-rancangan yang dibuat itu dengan hasrat rakyat. Bahagian Perancang Ekonomi hendaklah mempunyai kakitangan yang cekap dan tahu benar-benar, bukan sahaja di dalam angka-angka kewangan, ataupun teori-teori ekonomi daripada buku-buku, tetapi juga benar-benar mengetahui hal-hal penghidupan rakyat yang detail.

Rancangan ekonomi yang boleh memberi pekerjaan yang banyak kepada rakyat, rancangan ekonomi yang meliputi seluruh negara, bukan dipusatkan kepada beberapa kawasan sahaja, tetapi kepada seluruh negara

saya katakan sekali lagi. Tempat yang banyak rakyat hidup, maka di situ patut dibuka atau dibangunkan rancangan-rancangan ekonomi, samada kecil ataupun besar yang boleh menyambung nafas rakyat.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang besok, 4hb Disember, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.